قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

TAHUN 28 BILANGAN 31 | RABU 3HB OGOS, 1983. | رابو 23 شوال 1403 | PERCUMA



Paduka Seri Pengiran Anak Puteri

# GUNAKAN PENGALAMAN LATIHAN MASING2

GADONG. — Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna mengingatkan rekrut-rekrut tamat latihan akan dapat menggunakan pengalaman latihan mereka bagi menjalankan tugas masing-masing dalam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Yang Teramat Mulia itu bersabda, mereka yang setentunya mempunyai disiplin yang terlatih dan tinggi akan sentiasa disanjung dan digalati oleh orang ramai dan mendapat sokongan serta kerjasama masyarakat dalam menegakkan keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

"Seperti yang semua kita maklum kerjasama dari kedua pihak amatlah diperlukan demi untuk mencapai dan

**Oleh : Muhaimin Hj. Muhammad**

mengekalkan kestabilan dan keharmonian hidup sesebuah masyarakat," sabda Yang Teramat Mulia.

Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna bersabda demikian di upacara perbarisan tamat latihan bagi seramai 60 orang rekrut-rekrut Polis Diraja Brunei pengambilan pertama tahun ini bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah Gadong Khamis lepas.

Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda bahawa rekrut-rekrut tersebut telah membuktikan betapa tingginya disiplin mereka dalam menghadapi latihan yang berat hingga membawa kejayaan yang cemerlang itu.

Keberangkatan tiba Y.T.M. Paduka Seri Pengiran anak Puteri Masna dialu-alukan oleh Pesuruhjaya Polis Brunei, Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid. Sebaik-baik saja menerima tabik Hormat Diraja, Yang Teramat Mulia dijunjung oleh pegawai pemerintah perbarisan untuk memeriksa perbarisan tamat latihan.

Yang Teramat Mulia juga dijunjung menyampaikan hadiah-hadiah kepada rekrut-rekrut terbaik bagi skuad 1/83 itu. Rekrut terbaik dalam semua jurusan disandang oleh rekrut 2103 Awang Dalus bin Ladis dan rekrut 2085 Dayang Mardiana bte Abdullah; terbaik dalam undang-undang dan pekerjaan polis ialah rekrut 2114 Awang Ujan Anak Damit dan rekrut 2100 Dayang Badrah bte Abu Bakar; manakala terbaik dalam kawad latihan senjata dan latihan luar ialah rekrut 2109 Awang Mokti bin Haji Kassim dan rekrut 2087 Dayang Noriah bte Amit.

Berangkat sama ialah Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Y.A.M. Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Turut menyaksikan sama ailah keluarga dan sahabat handai rekrut-rekrut tersebut serta pegawai-pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei.



REKRUT 2103, Awang Dalus bin Ladis menerima belantan dari Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna setelah terpilih sebagai rekrut terbaik semua jurusan.

## Peraduan anak2 sihat

...BELAIT. — Per... Perkumpulan ...Brunei (W.I.) ...Daerah Belait ...arkan peraduan ...kanak sihat ...keputeraan D.Y.M.M. ...Seri Baginda ...Yang Diper... ...gara Brunei ...yang ke-37

...tersebut akan ...bertempat di ...masyarakatan ...pada 2hb. ...mulai jam 7.30 ...terbuka ...penduduk... ...yang tinggal di ...daerah tersebut.

...bolehlah ...klinik-klinik ...Kuala Belait ...hari Sabtu ...1.30 petang ...petang. ...pendaftaran ...Ogos ini.

## Teguh sikap dan pendirian

BANGAR, Temburong — Cabaran-cabaran yang akan dihadapi berikutan pencapaian kemerdekaan berkehendakkan keteguhan sikap dan pendirian bagi memastikan bahawa pencapaiannya akan dapat ditanai dengan penuh tanggungjawab demi kepentingan kita untuk masa kini dan keturunan kita pada masa yang akan datang.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin menggariskan cabaran-cabaran yang akan dihadapi itu dari dua jurusan, pertama yang berbangkit berikutan daripada ekspektasi atau jangkaan terhadap kemerdekaan dan kedua dalam mengembangkan ciri-ciri utama kenegaraan kita yang sudah dirumuskan menerusi Perlembagaan dan undang-undang bertulis.

Menyatakan demikian kepada kita-kira 300 orang penduduk di sini yang pernah

(Lihat muka 16)

### MANISNYA IMAN

"BERIKANLAH hak kepada setiap yang berhak." — HADIS Nabi riwayat At-Tabarani daripada Ibnu Mas'ud.

Pelita Brunei

3 HB. OGOS, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## CABARAN MASA HADAPAN: KITA BERTANGGUNGJAWAB MEMILIH DAN MENENTUKAN CARA YANG SELAMAT

Sekalipun kita tidak dapat meramalkan dengan pasti apa yang akan berlaku pada masa hadapan namun kita sekurang-kurangnya dapat membayangkannya berpandukan kedudukan masa kini. Maka begitulah masa hadapan selepas kemerdekaan nanti, kita dapat membayangkan cabaran-cabaran yang akan dihadapi berikutan daripada pencapaiannya.

Sekurang-kurangnya ada dua cabaran. Pertama cabaran yang berbangkit daripada jangkaan atau harapan-harapan terhadap kemerdekaan. Kedua, cabaran dalam mengembangkan ciri-ciri utama kenegaraan yang sudah dirumuskan menerusi Perlembagaan dan undang-undang bertulis yang memberi makna kepada ketulenan Brunei sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam.

Deri segi harapan-harapan atau jangkaan terhadap kemerdekaan, kita dapat mengagak bahawa cabaran di dalamnya ialah dalam ertikata memenuhi harapan tersebut dan menepati jangkaan yang dibuat. Dari segi sosioekonomi, perkembangan dan kemajuan yang dicapai pada masa ini dipercayai akan dapat diterima sebagai asas bagi perkembangan selanjutnya. Dan dijangkakan tidak banyak masalah yang merumitkan penerusan itu selama mana negara mampu membelanjai progrem-progrem pembangunan sosioekonomi. Tetapi yang akan kuat mencabar ialah dari segi ketangkasan ataupun kederasan rentak pembangunan itu dalam mana keupayaan kita dari segi tenaga tidak banyak bertambah.

Dari segi mengembangkan ciri-ciri utama kenegaraan yang memberi ketulenan kepada Brunei yang merdeka itu kita dapat mengatakan, bahawa ciri-ciri tersebut sudahpun sedia mempunyai iklim yang baik untuk ianya dikembangkan. Cabaran selepas merdeka nanti lebih merupakan usaha pada mengukuhkannya dalam kita menempuh arus perkembangan di dalam negeri terutama sekali berikutan daripada pendedahan yang lebih kepada pengaruh-pengaruh antarabangsa. Dengan yang demikian cabaran yang dihadapi ialah dalam ertikata keupayaan dan keyakinan kita terhadap kemurnian ciri-ciri ketulenan itu dengan sentiasa menimbulkannya dalam sebarang proses adaptasi nilai-nilai baru ke dalamnya berikutan daripada kemunculan kita di peringkat antarabangsa nanti. Kita tidak menampak cabaran dari segi risiko pengembangan ciri-ciri itu ke atas aspek perkembangan yang lain, bahkan sebaliknya ciri ketulenan Brunei itu saling berkaitan dengan memberi dan menerima kekuatan dengan lain-lain aspek. Misalnya ciri keugamaan yang sehingga ini bertanggungjawab menamakan Brunei sebagai 'Islamic Sultanate' ternyata tidak pun mendatangkan risiko ke atas pembangunan sosioekonomi. Sebaliknya pengalaman dalam tempuh lebih dari suku abad terakhir menjelang kemerdekaan membuktikan bahawa negara ini mendapat tunjangan kekuatan dalam proses pembangunannya daripada ciri keugamaannya turut sama dikembangkan dalam tempuh tersebut.

Begitulah juga ciri yang lain seperti ciri kesultanan negara ini. Pendedahan kepada dunia luar tidak dijangka dan tidak sepatutnya akan membawa unsur-unsur yang melemahkannya selama mana ciri tersebut mendapat tunjangan kekuatannya daripada keyakinan kita terhadapnya. Pengalaman baru tentu akan menemukan dengan berbagai corak Kerajaan dan pemerintahan di rantau ini khasnya dan di lain-lain bahagian dunia ... merasakan kemanisan corak ... pemerintahan kita menurut ... tentulah kita akan lebih ... kemurniannya.

Dalam kesemua cabaran ... Penerangan dalam ucapannya ... baru-baru ini mengajak orang ... sentiasa menaruh kepercayaan ... pinan tertinggi negara iaitu ... Maha Mulia Paduka Seri Baginda ... Yang Dipertuan Negara Brunei ... kepada kepimpinan dalam Kerajaan ... Kepercayaan dan keyakinan ... adalah dalam ertikata ketetapan ... politik rakyat terhadap masa ... Beliau menghujah bahawa jika ... cayaan yang sedemikian itu ... dengan mengambil kira akan ... negara iaitu keselamatannya dan ... rakyat, maka tidak ada sebab ... dan mengurangkan kepercayaan ... bahkan sebaliknya selepas kemerdekaan ... kita mempunyai alasan untuk ... mengekalkannya.

Dalam ertikata meneruskan ... sokongan itu cabaran yang ... pada mendapatkan serta ... sokongan baru dari generasi ... ketetapan dan keazaman politik ... tunjangan kekuatan dari ... atas dasar-dasar negara dan ... yang lancar bagi menepati ...

Lihat muka 16

# KITA MENJUNJUNG FALSAFAH KENEGARAAN

## yang meletakkan kedaulatan dan kuasa memerintah kepada raja secara berperlembagaan dan berundang-undang

Dengan segala rendah hati saya sukacita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Ramah Mesra Penerangan bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri yang julung-julung kali kami adakan sebagai sebahagian daripada gerakan Penerangan. Sesungguhnya sambutan tuan-tuan dan puan-puan di daerah ini seperti mana juga sambutan yang kami terima di Daerah Brunei/Muara dan di Daerah Tutong ke atas perjumpaan seumpama ini sangatlah menggalakkan di mana ia dapat mengesankan lagi betapa benarnya hakikat yang kita di Brunei ini adalah sentiasa diselubungi oleh suasana berkebajikan dan perasaan muhibbah. Dengan suasana dan perasaan yang sedemikian itulah kita sebenarnya memberi sumbangan pada memantapkan kedudukan negara pada tahap yang berkeselamatan, berkesejahteraan serta berkemakmuran yang sama-sama kita nikmati dengan sebaik-baiknya.

Dalam majlis yang diadakan di Pekan Tutong dua hari yang lalu saya telah bercakap kepada kira-kira lebih 300 orang yang datang dari mukim-mukim di Daerah Tutong. Percakapan saya selain menegaskan percakapan yang terdahulu dibuat di Bandar Seri Begawan ialah saya telah menyebutkan falsafah kenegaraan kita. Saya menegaskan bahawa kita di Brunei menerima dan menjunjung falsafah kenegaraan yang meletakkan kedaulatan dan kuasa memerintah kepada Raja secara berperlembagaan dan berundang-undang. Saya menekankan hakikat bahawa dari Bagindalah Kerajaan ditubuhkan dan dibentuk dengan kuasa-kuasa yang datangnya daripada Baginda.



TETAMU khas yang sama-sama menghadiri majlis ramah mesra hari raya Bahagian Penerangan didewan SIPW Kuala Belait.

Falsafah kenegaraan yang demikian bukanlah hasil ciptaan atau dirangai-rangai menurut keinginan dan kecenderongan seseorang atau satu-satu kalangan tertentu. Saya menegaskan dalam ucapan saya itu bahawa falsafah kenegaraan kita yang meletakkan kedaulatan dan kuasa memerintah kepada Raja secara berperlembagaan dan berundang-undang itu adalah sebenarnya berakar tunjang dalam sejarah bangsa kita sepanjang pengalaman bangsa kita bernegara dan berkerajaan iaitu Negara dan Kerajaan Kesultanan Melayu Islam zaman berzaman.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Perkara yang saya sebutkan itu bukanlah perkara baharu. Cuma yang baharu ialah saya menyebutkannya dengan rantang bahawa ia menjadi falsafah kenegaraan yakni falsafah kita dalam berkerajaan dan berpemerintahan. Saya telah menyatakan keyakinan pendapat saya bahawa pengaruh politik asing terutama sekali sistem politik serta pentadbiran yang diperkenalkan oleh Inggeris semenjak kehadirannya di Brunei tidak berhasil merobohkan asas falsafah kenegaraan kita atau mengubah dengan mengurangkan ciri-ciri kedaulatan Raja yang mempunyai rakyat dan yang menjunjung kemuliaan ugama Allah. Saya menyebutkan bahawa sungguhpun pengaruh-pengaruh Inggeris di negeri-negeri lain sama ada yang jauh mahupun dekat berjaya mengubah serta memberi corak baharu kepada sistem politik di negeri-negeri itu tetapi ia tidak sampai mengubah serta memberi corak baharu kepada sistem kerajaan dan pemerintahan Brunei, di mana kedudukan Sultan sebagai Raja yang memerintah dan berkuasa tetap dengan kedaulatannya ke atas negeri dan rakyat.

Di negeri-negeri yang pernah di bawah pengaruh Ing...

BERIKUT ... Haji ... Pengarah ... Pengarah ... perjumpaan ... hari raya ... peserta ... Belait di ... ggeris ... Belait pada ... 24hb. Julai ...

geris ... kuasanya ... menyerahkan ... kepada ... yang ... menjalankan ... menggantikan ... birannya ... permulaan ... negeri-negeri ... mengikat ... Raja-raja ... yang ... itu. Di ... Inggeris ... kan ... yang ... masa ... sistem ... tetapi ... biran ... Brunei ... telah ... dan ... dan ... biran ... oleh ... dapat ... kedaulatan ... Brunei ... biran ... digantikan ... biran ... Besar ... pentadbiran ... pun ... kuasa dan ...

Diteliti ... Perlembagaan ... mengenai ... dan ... pegawai ... dengan ... bahawa ... arah ... dan ... iaitu ... bukan ... mengekalkan ...

(Lihat ...



# Lulus ijazah sarjana

Harun bin Haji Ismail, Pegawai Kemajuan Kerjasama di Jabatan Kerjasama Brunei (gambar atas) baru-baru ini telah berjaya ijazah Sarjana dalam Pengurusan Sektor Awam (Master of Public Sector Management) dari The University of Aston in Birm- United Kingdom. Pengurniaan ijazah tersebut telah diberikan pada yang lalu.

Awang Harun memperolehi ijazah itu ialah melalui skim latihan perkhidmatan kerajaan (cuti bergaji) sejak Oktober tahun 1981. Harun sebelum ini telahpun mendapat kelulusan Diploma dalam Perdangangan (Diploma in Business Studies) dari Institut Mara, Malaysia dalam tahun 1973, dan Diploma in Co-operative dari University of Loughborough United Kingdom dalam tahun

# ...awai Muzium kursus di K.L.

...AR SERI BEGA- — Tiga orang Muzium Brunei ...ada di ibu negara, Kuala Lumpur mengikuti kursus Dalam Perkhid- Mereka ialah Moksin bin Haji Damit, Awang bin Ibrahim dan Abd Rahman bin ...

...ka ditempatkan di Negara, Kuala Lumpur. Awang Moksin akan mengikuti kursus mengenai dengan kerja-kerja bahagian Pengawetan Bentuk Binatang dan Takapan selama lebih kurang 10 minggu, manakala, Awang Kamis dan Awang Abd Rahman akan mengikuti kursus Cara Penjagaan dan Keselamatan Dewan Pameran. Kursus ini akan memakan masa lebih kurang enam minggu.

# Pameran Senilukis sempena puja usia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pelukis Brunei akan menganjurkan Peraduan dan Pameran Senilukis 1983 bersempena dengan sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kali yang ke-37 tahun.

Peraduan dan pameran tersebut akan diadakan selama kira-kira dua minggu bermula pada 16hb. Ogos hingga 28hb. Ogos 1983 bertempat di Balai Pameran Muzium Brunei di Kota Batu.

Awang Haji Abd Saman bin Kahar, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dijangka akan membuka rasmi pameran tersebut.

Sebagaimana difahamkan terdapat enam jenis bentuk lukisan yang akan diperaduankan iaitu bentuk potret, pemandangan, alam benda dan alam semula jadi, batik abstrak dan ketukan (tembaga, perak aluminium dan lain-lain). Sementara media dan subjek adalah bebas.

Setiap bahagian peraduan yang berjaya akan memenangi hadiah Pertama, Kedua dan Ketiga serta empat hadiah saguhati setiap bahagian.

Peraduan ini adalah terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam atau pun penduduk tetap di negeri ini.

Sementara karya-karya mestilah hasil ciptaan asli sendiri dan belum pernah diperadukan atau dipamerkan sebelumnya. Dan karya-karya tersebut hendaklah dibingkai dengan baik dan sempurna, dengan sukatan tidak kurang dari 1½' × 2'.

Nama pelukis, nombor kad pengenalan serta warna, alamat, nombor telefon, tajuk lukisan dan nama jenis lukisan hendaklah ditulis di sebelah belakang setiap karya. Jika hendak dijual hendaklah dibubuh harganya.

Pelukis-pelukis hanya dibenarkan menghantar satu karya bagi setiap bahagian sahaja dan hendaklah mempunyai unsur-unsur identiti keBruneian.

Pihak penganjur tidak bertanggungjawab di atas kerosakan dan kehilangan semasa penghantaran dan pameran. Juga tidak bertanggungjawab sebarang urusan penjualan.

Ahli-ahli Persatuan Pelukis Brunei yang memasuki peraduan dan pameran ini dikehendaki membayar komisen 10% dari hasil penjualannya untuk tabung Persatuan.

Manakala peserta yang ikut serta dalam peraduan itu nanti dikehendaki membayar bayaran penyertaan sebanyak $1.00 setiap karya yang diperdukan dan dipamerkan.

Karya-karya yang tidak menurut syarat dan peraturan akan ditolak. Semua karya atau lukisan yang diperadukan akan dipamerkan hingga selesai, dan keputusan hakim adalah muktamad.

Peserta juga dikehendaki mengisi borang penyertaan Peraduan daripada Setiausaha Agung, Awg. Norariffin Md. Yassin di Radio Televisyen Brunei atau daripada Dayang Siti Zaleha Hj Kaprawi di Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei dan hendaklah dihantar seberapa segara yang boleh.

Sementara tarikh tutup bagi penghantaran semua karya-karya ialah pada 11hb. Ogos, 1983 (Khamis) jam 4.30 petang. Semua karya hendaklah dihantar terus ke Muzium Brunei sebelum tarikh yang ditetapkan.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 3 hb. hingga 9 hb. Ogos, 1983

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Melayu Melayu Penglima Berudin Limau Manis | 3.8.1983 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 3.8.1983 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 3.8.1983 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Jerudong | 6.8.1983 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 6.8.1983 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 6.8.1983 | Sabtu | 11 00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 6.8.1983 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 6.8.1983 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 6.8.1983 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 7.8.1983 | Ahad | 900–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara | 7.8.1983 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 7.8.1983 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 8.8.1983 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai Kampung Perpindahan | 8.8.1983 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 9.8.1983 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa Lambak | 9.8.1983 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# PANDUAN SISTEM EJAAN RUMI BARU BAHASA MELAYU

**Pelajaran 6 : Pemakaian Huruf Konsonan**

| Huruf Baru | Contoh: Ejaan Lama | Contoh: Ejaan Baru |
|---|---|---|
| b | bapa | bapa |
| — | — | — |
| c | chawan | cawan |
| d | dan | dan |
| d | hadhir | hadir |
| z | bedza | beza |
| f | fikir | fikir |
| g | guna | guna |
| gh | ghaib | ghaib |
| h | hitam | hitam |
| j | jalan | jalan |
| k | kami | kami |
| kh | khabar | khabar |
| l | lari | lari |
| m | malas | malas |
| n | nama | nama |
| ng | ngilu | ngilu |
| ny | nyata | nyata |
| p | pasang | pasang |
| q | — | qadar |
| r | rampas | rampas |
| s | sabar | sabar |
| sy | sharikat | syarikat |
| t | tahan | tahan |
| s | thabit | sabit |
| v | versi | versi |
| w | wangi | wangi |
| x | X-ray | X-ray (sinar-X) |
| y | yang | yang |
| z | zaman | zaman |

... menunjukkan terdapat sembilan huruf konsonan ... dalam sistem ejaan lama, iaitu *ch, dh, dz, gh, kh, ng, ny, sh* dan *th*.

Daripada sembilan huruf konsonan yang bergabung, ada lima yang berubah daripada ejaan lama kepada ejaan Rumi baru, iaitu :

| Huruf Lama | Huruf Baru | Contoh: Ejaan Lama | Contoh: Ejaan Baru |
|---|---|---|---|
| 1. ch | c | *ch*ari, *ch*a*ch*at, Ma*ch* | *c*ari, *c*a*c*at, Ma*c* |
| 2. dh | d | *dh*arab, mu*dh*arat, *dh*arurat | *d*arab, mu*d*arat, *d*arurat |
| 3. dz | z | *dz*at, be*dz*a, lafa*dz* | *z*at, be*z*a, lafa*z* |
| 4. sh | sy | *sh*arat, ma*sh*hor, me*sh*uarat | *sy*arat, ma*sy*hur, me*sy*uarat |
| 5. th | s | *th*abit, mi*th*al, baha*th* | *s*abit, mi*s*al, baha*s* |

Selain itu, penggunaan lambang huruf konsonan di dalam ejaan lama, iaitu tanda koma di atas (') dan ('), digugurkan atau digantikan dengan huruf konsonan Rumi baru, seperti berikut :

i) Tanda koma di atas (') dan (') iaitu yang sepadan dengan huruf Jawi *ain* ( ) dan *hamzah* ( ) dihapuskan jika membuka suku kata.

**Contoh :**

| | | |
|---|---|---|
| 'adat | menjadi | adat |
| ma'af | menjadi | maaf |
| mas'alah | menjadi | masalah |
| so'al | menjadi | soal |

ii) Tanda koma di atas (') dan (') digantikan dengan huruf konsc..an *k* jika menutup suku kata :

| | | |
|---|---|---|
| ma'ana | menjadi | makna |
| ra'ayat | menjadi | rakyat |
| enche' | menjadi | encik |
| che'gu | menjadi | cikgu |

**Pelajaran 7 : Gabungan Satu Suku Kata dengan Imbuhan**

Semua perkataan yang terdiri daripada satu suku kata tidak berubah vokalnya apabila kata tersebut menerima imbuhan.

**Contoh :**

| | | |
|---|---|---|
| i) bom | menjadi | menge*bom*kan, penge*bom*, penge*bom*an |
| ii) cat | menjadi | menge*cat*, di*cat*kan, penge*cat* |
| iii) lap | menjadi | menge*lap*, di*lap*kan, penge*lap* |
| iv) pam | menjadi | menge*pam*, penge*pam*, penge*pam*an |
| v) syor | menjadi | menge*syor*kan, di*syor*kan, penge*syor*an |
| vi) sah | menjadi | menge*sah*kan, di*sah*kan, penge*sah*an |
| vii) tin | menjadi | menge*tin*, menge*tin*kan, penge*tin*an |
| viii) tus | menjadi | menge*tus*, menge*tus*kan, penge*tus*an |
| ix) tut | menjadi | menge*tut*, penge*tut*, penge*tut*an |

# BISTARI SUMBANG DERMA KPD ANAK2 YATIM — ORANG2 CACAT

Oleh: Ahad Ismail
Gambar: Haji Sharbini dan Ayop

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan hasil kutipan BIG WALK yang dianjurkan bersama oleh BAFA dan BISTARI (Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai Kerajaan) yang lalu, Bistari telah mengatur beberapa kegiatan serta sumbangan derma sempena hari raya.

Di Kelab Polo Jerudong, pada 22hb Julai lepas Bistari telah mengadakan majlis berhari raya yang dihadiri oleh ahli-ahli anggota keluarganya. Tujuan majlis itu diadakan ialah untuk merapatkan tali silatulrahim di antara keluarga mereka.

Pada 24hb Julai pula, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, Temburong, Bistari yang diketuai oleh Yang Dipertuanya, Datin Edah binte Haji Md Noor telah mengadakan sambutan hari raya dan penyampaian derma kepada anak-anak yatim dan disampaikan oleh Datin Edah sendiri.

Majlis itu dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Aziz bin Mohammad, pegawai-pegawai Kerajaan, dan penghulu-penghulu serta ketua-ketua kampung.

Berucap di majlis itu, Datin Edah, menyatakan, tujuan utama di samping meraikan hari raya kepada anak-anak yatim yang kurang bernasib baik, ianya juga merupakan sumbangan kebajikan yang mana Bistari telah berjaya melancarkan kutipan derma.

"Sesuai dengan sifatnya satu badan kebajikan,



DATIN Edah ketika menyampaikan derma berupa wang kepada salah seorang anak yatim perempuan ... bawah dua orang adik beradik ini juga turut mendapat simpati dari BISTARI di perjumpaan hari raya di ... Bangar, Temburong.



SEBAGAI salah satu sumbangan kepada masyarakat orang-orang cacat di negeri ini, BISTARI juga menyumbangkan peti televisyen dan mesin brelly kepada rumah orang-orang cacat yang diterima oleh YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein.

maka usaha hari ini adalah usaha 'mengampiti' apa yang sudah diperolehi untuk dirasakan bersama oleh pihak-pihak yang memerlukan. Apa lagi dewasa ini sempena hari raya aidilfitri ini. Sungguhpun usaha Bistari ini kecil dalam bentuk, tetapi adalah membawa makna yang besar kepada badan ini sendiri," jelas Datin Edah.



Sementara itu pada 28hb Julai Bistari mengakhiri kegiatannya dengan membuat lawatan ke Pusat Latihan dan Bimbingan Orang-orang Cacat di Kampung Pulaie.

Menghadiri majlis itu termasuklah Yang Berhormat Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein, dan pegawai-pegawai Kerajaan.



ANAK-ANAK keluarga BISTARI beradu kekuatan mereka dalam perlawanan tarik kalat sambil diperhatikan oleh ibu bapa mereka dalam perjumpaan yang telah diadakan di Jerudong Park. (gambar Bistari).

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein berterima kasih di atas kesudian Bistari yang telah menyumbangkan derma kepada orang-orang yang kurang bernasib baik.

"Derma yang seperti inilah yang sentiasa dialu-alukan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, kerana ianya dapat mempereratkan tali silatulrahim dan tanggungjawab kepada orang-orang yang tidak bernasib baik," kata Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat menyeru kepada ahli-ahli persatuan serta pertubuhan ... supaya akan ... hadapan men... derma bakti dan ... gungjawab dalam ... bimbing masyarakat ... sihat kukuh serta ... padu.

Dalam majlis ... Edah binte Haji ... juga telah ... ucapannya serta ... paikan sumbangan ... Yang Berhormat ... Kebajikan Belia ... Sukan, Pehin ... Luar Pekerma Raja ... Seri Paduka Awang ... Hussein, yang ... sebuah peti televisyen ... warna, dan sebuah ... brelly. Majlis ... dengan bacaan ... selamat dan ... nyanyian-nyanyian ... orang-orang cacat ... itu.

# IBADAT MENCIPTAKAN KEGEMBIRAAN

# ORANG BERILMU TINGGI DARJATNYA

Oleh: Azadah bte Haji Awang Besar

...AIMANA kita ...aklum bahawa ...ilmu itu adalah ... setiap Muslim ...laki mahupun ...uan. Sebagai bukti ... itu Rasulullah ... pernah bersabda ...maksud: "Menun- ... adalah fardu (wa- ... tiap-tiap Muslim, ...laki-laki mahupun ...puan."

... hadis yang ... amatlah nyata di ... ditegaskan yang ... s.w.t. mewajipkan ... Islam supaya ... ilmu, menjadi ... yang berpe- ...an mengetahui ...kemasylahatan: dan ... kemanfaatan; ... hikmat alam, ... meninjau dan ... meneliti dan ...nalisa segala ...an yang dijalani ...umat-umat sebelum ... itu sama ada ...ungan dengan ... dan ibadah, baik ...berhubung dengan ... keduniaan dan ...ingan hidup ... yang berhubung ... soal-soal akhirat.

... yang berilmu ...an dengan yang ... atau tidak ...etahuan perbe- ... amatlah jauh ... bukan sahaja ianya ... dapat dilihat dalam ... kehidupannya di ... di mana mereka ... tidak berilmu itu ...udah mendapat ... dan paling sukar ... memperolehi ...kan yang baik. ... perbezaannya itu ... awal-awal lagi ...kan oleh Allah ... firman-Nya dalam ... Az-Zumar ayat 9 ... bermaksud: ... sama orang ... berilmu itu dengan ... yang tidak ..."

...nya tentulah ... kerana darjat ... yang berilmu itu ... diangkat oleh ... s.w.t. beberapa darjat kemuliaan dari mereka yang jahil. Allah berfirman dalam surah Al-Mujadalah yang bermaksud: **"Allah mengangkat orang yang beriman dan berilmu pengetahuan itu beberapa darjat lebih tinggi."**

Di sini timbul satu pertanyaan, apakah pula kewajipan mereka yang berilmu itu yang harus ditunaikan? Sedia difahamkan bahawa adapun kewajipan yang harus ditunaikan ialah mengamalkan segala ilmu itu sehinggalah menjadi ilmu yang bermanfaat iaitu dalam ertikata manfaat bagi diri sendiri dan manfaat bagi orang lain. Ilmu yang banyak yang dituntut dan diperolehi seandainya jika ia tidak diamalkan maka tidaklah ia mendatangkan apa-apa faedah, samalah sebagaimana pepatah orang Arab yang mengumpamakannya seperti pohon yang tiada berbuah tiada mendatangkan hasil. Tetapi jika ia diamalkan seumpama disebarkan kepada orang lain bukan saja ianya berjasa sebagai ejen penyebar ilmu pengetahuan malah ia juga akan memperolehi keberkatan dari Allah s.w.t. dan pastilah ia akan dapat ganjaran yang wajar dari-Nya.

Sebagai contoh yang paling dekat sekali berkaitan dengan hal penyebaran ilmu pengetahuan ialah bidang pengajaran atau perguruan. Memang tidak disangkal lagi, mengajar adalah suatu pekerjaan yang paling mulia kerana Nabi sendiri diutus ke dunia untuk menjalankan tugasnya sebagai pengajar untuk memberi petunjuk kepada sekalian hamba Allah sepertimana riwayat Baihaqi ada menyatakan sabda Nabi yang bermaksud: **"Aku diutus untuk menjadi pengajar."**

## *Bingkisan minggu ini*

Peranan Rasulullah terhadap umatnya memanglah jelas iaitu memberikan petunjuk terhadap perkara-perkara yang benar. Tanpa diutus para Rasul kepada manusia di dalam dunia ini tentulah sekali masyarakat tinggal dalam kebodohan sepanjang masa meskipun pada hakikatnya manusia telah dikurniai oleh Allah akal dan otak yang dapat menghasilkan berbagai ilmu, namun masih ada juga perkara yang lain yang tidak dapat diperolehinya seperti hal-hal yang di luar akal manusia. Sebab itulah Rasul Allah dibangkitkan di dunia ini. Begitulah halnya dengan diri kita manusia, menuntut ilmu pengetahuan dan menyumbangkannya kepada masyarakat khasnya sesama umat Islam adalah satu perbuatan yang mulia bahkan berlaku lokek pada memberi ilmu pengetahuan pada mereka yang memerlukannya adalah sangat-sangat dilarang.

Justeru itu, jika seseorang itu suka menyembunyikan ilmunya kepada yang sangat mengharapkannya akan mendapat ancaman sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Ahmad sepertimana sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: **"Barangsiapa ditanya tentang sesuatu ilmu, kemudian menyembunyikan (tidak mahu memberikan jawapannya), maka Allah akan mengekangkan mulutnya kelak di hari kiamat dengan kekangan (kendali) dari api neraka."**

## KHUTBAH JUMAAT

MARILAH kita terus-menerus bertakwa dalam makna mentaati Allah, dengan terus-menerus melakukan apa-apa yang disuruh-Nya dan menjauhi perkara-perkara yang dilarang-Nya.

Sepotong ayat Al-Quran dalam Surah Al-Haj ayat 77 tafsirnya: *"Wahai orang-orang yang beriman! Rukuklah kamu, sujudlah dan sembahlah Tuhan kamu, dan berbuat baiklah, supaya kamu beroleh kemenangan."*

Cuba perhatikan perkataan "la'allakom tuflihun" yang bermakna *"Supaya kamu beroleh kemenangan."* Sesudah Allah menyampaikan perintah-Nya supaya orang-orang yang beriman itu jangan berhenti dari rukuk, sujud dan menyembah-Nya serta melakukan perkara-perkara kebajikan, maka dikunci-Nya dengan perkataan ini; *"supaya kamu beroleh kemenangan."*

Di sini, Allah telah mengisyaratkan kepada kita, bahawa ibadat dan ketaatan kepada Allah itu adalah sumber kemenangan orang-orang beriman. Allah sedia menjamin kemenangannya, kejayaannya.

### KEMENANGAN

Kita tentu akan bertanya, apakah bentuk kemenangan dan kejayaan bagi orang-orang yang beribadat itu? Jawabnya; Ada sebuah Hadis Rasulullah s.a.w riwayat Al-Bukhari dan Muslim daripada sahabat Sogaz bin Jabal yang bermksud lebih kurang;

*"Sesungguhnya hak Allah ke atas hamba-Nya, ialah supaya hamba itu menyembah-Nya, Jangan menyekutukan-Nya dengan sesiapa juapun. Dan hak hamba pula ke atas Allah ialah, bahawa Allah sekali-kali tidak akan menyiksa si hamba yang menyembah-Nya, yang tidak mempersekutukan-Nya."*

Jika kemenangan itu di sini dapat diketahui, ialah kemenangan terlepas dari azab Allah, suatu kemenangan besar yang di cita-citakan oleh para Nabi, para aulia', orang-orang salih dan muttakin dan orang-orang beriman lainnya.

### KESAN MANIS

Dan selain daripada itu, wahai kaum Muslimin, ibadat kepada Allah juga menumbuhkan kesan-kesan yang manis dalam kehidupan manusia, sebagaimana yang ditegaskan oleh Al-Imam Fakhrurrazi seperti berikut:

1. Ibadat itu membentuk manusia yang sempurna (Al-Insanul Kamil). Dengan ibadat yang dilakukan, maka hati nurani manusia akan diterangi dengan cahaya ilahiyyah: lidahnya terkawal sentiasa mengucapkan perkataan-perkataan yang mulia, seperti zikir dan lain-lain, anggota tubuhnya menjadi indah dan segar, dan akhirnya membawanya mencapai sa'adat (bahagia) yang seluas-luasnya.
2. Ibadat membentuk sifat amanah. Amanah adalah satu-satunya akhlak yang utama. Orang yang amanah selalu mendapati pertolongan Allah pada saat-saat yang diperlukan.
3. Ibadat menciptakan kegembiraan dan sukacita. Ia mengeluarkan manusia dari alam kesusahan ke alam riang gembira, dari dunia gelap-gelita kepada cahaya terang-benderang, dari kesukaran kepada jalan keluar yang mudah dan rezeki yang melimpah-limpah lagi berkat. Ini sesuai dengan Firman Allah dalam Surah At-Talaq yang tafsirnya: *"Barangsiapa yang bertakwa (beribadat), maka Allah akan menyediakan baginya jalan keluar dari segala kesulitan dan akan mengurniakan rezeki yang tidak disangka-sangka."*

**"Barangsiapa yang bertakwa (beribadat), maka Allah akan menjadikan baginya jalan keluar dari segala kesulitan dan akan mengurniakan rezeki yang tidak disangka-sangka."**

Marilah kita renungkan baik-baik hal ini. Dengan melakukan ibadat, bermakna juga kita memohonkan "Inayah" (pertolongan daripada Allah). Dengan beribadat, jiwa manusia akan mendapat santapan makanan, yang membuatnya segar, sihat, tenang dan tenteram, tidak gundah dan ragu-ragu. Bagaimanapun besar dan sulitnya persoalan hidup, namun ibadat kepada Allah dapat memperkecilkannya, berkat getaran ucapan: *"Iyakanakbudu waa iyakanasta'in": "kepada-Mu, Ya Allah! Kami menyembah, dan kepada-Mu juga kami memohonkan pertolongan."*

Ini dia salah satu dari rahsia ibadat itu.

# 138 orang memeluk agama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Semakin ramai lagi orang yang memeluk ugama Islam di negeri ini. Jabatan Hal Ehwal Ugama melaporkan dalam jangka masa enam bulan pertama tahun ini seramai 138 orang termasuk kanak-kanak telah disahkan memeluk ugama Islam.

Dari jumlah tersebut Daerah Brunei dan Muara adalah yang terbanyak sekali iaitu seramai 66 orang diikuti oleh Daerah Belait 47 orang, Daerah Tutong 17 orang dan Daerah Temburong 8 orang.

Kebanyakan saudara-saudara baru Islam itu terdiri dari puak Iban dan Dusun dan beberapa orang bangsa Tiong Hwa.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



# HUKUM MENINGGALKAN SEMBAHYANG FARDU YANG LIMA (Bahagian 5) Siri ke-194

Beberapa perkara yang sayugia (patut) dibuat bagi mengelakkan diri dari tertinggal setengah-setengah sembahyang fardu yang lima:

1) Ia sentiasa berada dalam air sembahyang, bila dia sudah masuk tandas dan qada hajat (buang air), dengan cara begitu dia dapat bersembahyang bila datang kepadanya perkara yang tiada semena-mena (tiada diduga).

2) Bil dia mempunyai kelapangan dan kecergasan, ia pergi sembahyang fardu, sebelum ia disibukkan dengan kerja-kerja dan sebelum ia letih dan lesu dan sebelum waktu sembahyang habis dan luput.

3) Ia keluar rumah, sesudah qada hajat (buang air) dan mengambil air sembahyang dan dengan pakaian yang suci dan menutup aurat, dengan cara begitu, dia boleh sembahyang di mana-mana tempat dan dalam apa jua keadaan, sekalipun di tanah lapang, di tanah pasir dan di tepi pantai.

4) Ia keluar rumah, sesudah ia sembahyang fardu.

5) Keluar rumah kerana belayar, maka ia mengambil air sembahyang sesudah ia bercermat dari makan dan minum, dan berjaga-jaga dari qada hajat (buang air) dalam masa pelayaran, dengan cara begitu, ia dapat sembahyang di lapangan terbang, di tambatan kapal, dan dalam kapal, dan dalam kapal terbang.

6) Ia bawa kain sarung, jika ia tidak senang sembahyang dengan seluar pantaloon (seluar panjang).

7) Pakai pakaian Melayu, satu pakaian menyenangkan mengambil air sembahyang dan bersembahyang fardu, dari pakaian coat pantaloon cara Eropah dan Barat itu, dan pakaian ketat-ketat laki-laki dan perempuan.

8) Dalam kapal terbang saya lihat orang-orang sembahyang dari tempat ia duduk dengan isyaratkan rukuk dan sujud, kiranya tiada ada tempat lapang bagi sembahyang cara biasa.

9) Adakan tempat-tempat yang khas yang selesa bagi mengerjakan sembahyang, di kedai-kedai, tempat-tempat kerja, pejabat-pejabat, di rumah-rumah, di stesen-stesen kereta, di stesen-stesen keretapi, di lapangan-lapangan kapal terbang, di tambatan-tambatan kapal, di stadium-stadium, di gelanggang sukan, di hotel-hotel, di hospital-hospital, di sekolah-sekolah, di balai-balai raya dan di bengkel-bengkel, supaya orang sembahyang di tempat-tempat khas itu dengan tenang tiada gangguan.

10) Kanak-kanak sekolah diberi kemudahan memakai seluar panjang, supaya mereka dekat kepada sembahyang.

11) Unervisiti-unervisiti, maktab-maktab, bengkel-bengkel, sekolah-sekolah itu tempat-tempat yang baik tempat mengajak pelajar-pelajar dan penuntut-penuntut dan kanak-kanak sembahyang apabila waktu sudah masuk, kerana banyak masa dan peluang sepanjang hari bagi sembahyang berjemaah, di bilik-bilik, di kuliah-kuliah, di kelas-kelas, di kantin-kantin dan seumpamanya.

12) Hendaklah ditanamkan dalam fikiran dan semangat orang Islam dan kanak-kanak, bahawa sembahyang itu lebih utama dari pelajaran-pelajaran, dari perhi[...] perhimpunan, dari mesyuarat-mesy[...] dari majlis-majlis jamuan dan da[...] majlis syarahan.

13) Peminpin-pemimpin, ketua-ketua, pe[...] penghulu, dan guru-guru, sebaik-ba[...] dan ikutan pada sembahyang di temp[...] awam itu.

14) Dimulakan mesyuarat, majlis, perh[...] setelah selesai upacara sembahyang.

15) Di Negeri Saudi, saya lihat ora[...] menutup kedai setelah azan dilaun[...] mereka pergi ke Masjid, dan saya li[...] orang sembahyang berjemaah dalam p[...] antara waktu-waktu bekerja.

16) Di Negeri Pakistan, saya lihat ora[...] sembahyang di halaman-halam[...] sebelum mereka mulakan perhimpu[...] jamuan di hotel-hotel itu.

17) Ulama berkata tiada menghiraukan [...] azan yang sedang dilaungkan, [...] berbual-bual, dengan bermesyuarat [...] pelajaran-pelajaran dan seumpama[...] tanda orang itu akan mati dalam [...] Su'ul-Khatimah (mati dalam keada[...] tiada baik).

Dengan cara ini seumpamanya [...] kemudahan-kemudahan bagi mengerja[...] bahyang, kita dapat membiasakan diri [...] bahyang dalam waktunya, dan dapat kita [...] orang sembahyang dengan tiada [...] merungut dan mengeluh.

WALLAHU A'ALAM.... (Bersambung)

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 3hb Ogos, 1983 hingga ke hari Selasa 9hb Ogos, 1983 adalah seperti di bawah ini :

| Hari Bulan | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 4hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 5hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 6hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 7hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 8hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 9hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 tengah hari.

## Penerbangan bakal2 haji bermula 26hb Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bakal-bakal haji yang akan menunaikan fardu haji tahun ini yang berjumlah lebih, 2,200 orang akan berangkat ke tanah suci dengan empat penerbangan dalam empat hari berturut-turut. Bakal-bakal haji itu akan diterbangkan dengan Boeing 747 Sistem Penerbangan Malaysia yang disewa khas oleh Kerajaan.

Rombongan pertama akan bertolak pada hari Jumaat 26hb. Ogos jam 4.50 pagi, penerbangan kedua akan bertolak pada hari Sabtu 27hb. Ogos jam 10.00 pagi, penerbangan ketiga dijangka bertolak pada hari Ahad 28hb. Ogos jam 3.00 petang dan penerbangan keempat pada hari Isnin 29hb. Ogos jam 8.00 malam.

# KURSUS FARDU 'AIN SAUDARA2 BARU

TEMBURONG. — Saudara-saudara baru di sini telah menghadiri kursus ulangkaji fardu 'ain sekitar yang berhubungan dengan perbuatan-perbuatan, niat dan bacaan surah-surah dalam sembahyang dan juga mengenai hadas besar dan kecil.

Kursus tersebut telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Temburong Awang Abd Aziz bin Mohammad. Majlis hari itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Nordin bin Haji Arshad.

Turut hadir dan berucap di majlis itu ialah Ustaz Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama.

Satu ceramah mengenai "peranan dan tanggungjawab saudara-saudara baru dalam Islam" telah disampaikan oleh Ustaz Haji Abd Rajid bin Haji Abd Kadir.

Majlis hari itu juga diselajurkan dengan perjumpaan ramah-mesra hari raya di kalangan saudara-saudara baru daerah tersebut. Antara acaranya termasuklah syarahan khas oleh Ustaz Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei. Salah seorang saudara baru Awang Mohd Noor Ariffin Abdullah juga telah menyampaikan satu syarahan dalam bahasa Iban.

## 20 pegawai perhubungan haji dilantik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. telah melantik 20 orang Pegawai-pegawai Perhubungan Haji untuk musim haji tahun ini.

Empat orang dari mereka akan bertolak ke Jeddah pada 17hb Ogos ini untuk membuat urusan dan persiapan-persiapan awal bagi keberangkatan bakal-bakal haji di sana. Pegawai-pegawai tersebut ialah Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah, Awang Haji Omar Ali bin Haji Mohiddin dan Awang Haji Rajid bin Haji Abdul Kadir.

Manakala pegawai-pegawai yang lain akan mengiringi bakal-bakal haji mengikuti penerbangan yang telah ditentukan oleh pihak berkenaan sebagai berikut:

Penerbangan pertama: Awang Tassim bin Akim, Awang Haji Sablee bin Haji Metussin, Awang Haji Sudin bin Haji Haris dan Awang Haji Othman bin Haji Mohd. Salleh.

Penerbangan kedua: Awang Zaimi bin Haji Talib, Awang Haji Ahmad bin Pehin Jawatan Dalam Haji Mohd. Yussof, Awang Haji Mohd. Yusof bin Abd. Razak dan Awang Haji Ahmad bin Haji Daud.

Penerbangan ketiga: Awang Alidin bin Haji Yaakub, Awang Haji Bujang bin Ibrahim, Pengiran Haji Mohd. Yassin bin Pengiran Kamaluddin dan Awang Haji Mohd. Yussof bin Haji Mastan.

Dan penerbangan keempat: ialah Awang Lazim bin Metali, Awang Haji Noordin bin Dato Paduka Haji Taha, Awang Haji Hashim bin Haji Hassan dan Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Laidin.

## Peradu[...] Seniluk[...] dan Kerjatang[...]

KUALA BELA[...] Pameran da[...] senilukis dan [...] sempena hari [...] Kebawah D.Y.M.[...] ke-37 tahun [...] akan diadakan [...] ggeris Perdana W[...] pada 27hb. Og[...]

Peraduan [...] kepada pendu[...] daerah terse[...] dibahagikan [...] bahagian: per[...] orang-orang [...] penuntut-pe[...] menengah ting[...] V yang berum[...] atas; bahagian [...] kepada pen[...] sekolah menen[...] iaitu tingkatan [...] sahaja: bahagi[...] murid-murid [...] atau sekolah p[...] geris (SPI) yang [...] hingga 8 tahun [...] 12 tahun dan [...] terbuka untuk T[...] berumur 5 tahun [...]

Borang bo[...] menyertai pe[...] boleh didapa[...] bin Timbul [...] duan itu di S[...] Perdana W[...] daklah dike[...] lewat dari 18hb [...]



...mmad menyampaikan cenderamata kepada salah seorang bakal haji Pe... Brunei-Muara.

# PEGAWAI2 KERAJAAN BERFUNGSI TINGKAT SOSIOEKONOMI RAKYAT

BERAKAS. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohamad bin Haji Serudin menyatakan bahawa kita sebagai pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah berfungsi untuk memberi khidmat dan meningkatkan sosio-ekonomi rakyat dan penduduk negara ini.

Ke arah itu, katanya, sudah tidak patut lagi terdapat ruang untuk kita cuba bercakaran sesama sendiri, bahkan mengatur langkah bersama, saling berkerjasama sebagai satu 'team' yang boleh memberikan pilihan-pilihan terbaik dalam apa jua pekerjaan yang diamanahkan.

Beliau berucap demikian di Majlis Mesra Ria Aidilfitri anjuran Badan Kebajikan dan Kesukanan, Pejabat Daerah Brunei dan Muara, bertempat di Bengkel pejabat tersebut di Lapangan Terbang Lama Berakas, pada 24hb Julai, lepas.

Awang Haji Mohamad berharap agar Badan Kebajikan dan Kesukanan jabatan tersebut boleh di jadikan saluran yang menimbulkan rasa persefahaman di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan dari segala peringkat berkesempatan bergaul mesra, bertukar fikiran secara informal tanpa timbul rasa deskriminasi.

Acara pada hari itu dimulakan dengan persembahan nyanyian beramai-ramai oleh kakitangan Badan Kebajikan dan Kesukanan, Pejabat Daerah Brunei dan Muara. Majlis itu diserikan lagi dengan lawak jenaka oleh 'Kumpulan Apanya Liau' yang terdiri dari Liau Badar, Dang Limah, Wang Mail dan Awang Jambol.

Sempena dengan sambutan aidilfitri tersebut ianya diselajurkan dengan majlis penyampaian cenderamata kepada 10 orang kakitangan jabatan itu yang akan menunaikan fardu haji pada tahun ini. Di akhir majlis doa selamat telah dibacakan oleh Imam masjid Kampung Masin.

# Hadiri majlis ceramah

...TERBANG ... Kira-kira 80 ...kitangan kera... menghadiri satu ... mengenai ...pegawai-pegawai ...tempat di Per... ...bawan Pela... ...pagi Khamis ...lalu.

...ceramah ber... ...jalan kepada ...Protokol — ...Singapura'; 'Aspek-aspek Protokol'; 'Aspek-aspek Protokol Bagi Lawatan-lawatan Negara/'Rasmi'; 'Tugas-tugas Protokol Di Lapangan Terbang', dan 'Protokol Di Jamuan Makan Malam dan Tengah Hari', itu telah disampaikankan oleh seorang poegawai dari Kementerian Luar Singapura, Awang Tan Keng Jin, Pengarah Agung ASEAN.

Turut menghadiri majlis itu ialah Pemangku Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat; dan Ketua Protokol di Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Pengiran Anak Puteh ibni Almarhum Y.T.M. Pengiran Pemancha Sahibul Rea Walmashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam.

# Kita menjunjung falsafah kenegaraan

(... Muka 2)

... Raja secara ... bahkan ... nafas baru ... kenegaraan ...urun yang ... kedaulatan ... kepada Raja ... Baginda Kera... ...dan diben... ... kuasa yang ... kepada Baginda

...an berkera... ...ikian telah ... dengan sebaik... ...suasana dan ... Dan dalam ... hubungan... ... dengan ... lepas perjan... ... membawalah ... paling akhir ... kemajuan ... kedua ...nding dan ... menerusi ... yang

...ikian maka ... berani ... bahawa ...tik asing ...em politik ... Inggeris ... berhasil me... ... falsafah ... ataupun ... ciri ke... ... yang mem... ... yang men... ... ugama ... saya telah ... falsafah ... bukan ... bahkan ... nafas ... arah ... serta

...puan-puan. ... ikhlas ber... ...tuan dan ... orang ...pakah kita ... Inggeris ... meroboh atau mengubah asas falsafah kenegaraan kita itu?

Saya dengan ikhlas dan jujur ingin bertanya kepada diri kita semua: Adakah kita akan merelakan takdirnya Inggeris kalau ia dapat meroboh dan mengubah asas falsafah kenegaraan kita itu?

Saya tidak fikir kita yang mencintai negara ini, kedaulatannya dan kedaulatan bangsa dalam hubungannya dangan kuasa asing akan merelakan kuasa dan pengaruh asing itu mengubah apa lagi merosakkan sesuatu yang bernilai, memberi dan meletakkan kedaulatan serta kuasa memerintah kepada Raja. Saya tidak fikir dan tidak nampak mengapa misalnya akan ada orang-orang kita yang menyesali kegagalan Inggeris tidak berjaya menguatkuasakan sistem politik untuk kononnya memberi kuasa kepada rakyat mentadbir dan memerintah. Sunggah saya tidak menampak alasan yang kuat bagi sesiapa misalnya akan merasa hampa apabila negara ini Insya-Allah menamatkan perhubungan-perhubungan istimewanya dengan Great Britian ia kekal sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam di mana rakyat menerima dan menjunjung kedaulatan Raja untuk menjadi pemerintah tertinggi negara. Sungguh saya tidak menampak orang akan merasa walang dan hanya orang yang sedemikian itu, sebab sepatutnya setiap orang di antara kita patut berbangga dan bersyukur ke hadrat Allah. s.w.t. yang Brunei iaitu negara dan rakyatnya ditakdirkan Allah untuk tetap bernegarakan Brunei negara yang bertuhankan Allah s.w.t. bersultan dan beradab sopan, sedangkan di mana-mana sejarah membuktikan bahawa pengaruh asing ke atas sesebuah negeri mahu jauh atau pun dekat terutama sekali pengaruh kuasa-kuasa Barat mahupun kuasa-kuasa Timur telah menghilangkan atau menghapuskan dan sekurang-kurangnya mengurangkan nilai-nilai kebanggaan sesuatu bangsa terutama sekali dalam sistem dan falsafah pemerintahan bangsa tersebut dan kerajaannya. Dan Alhamdulillah, sepanjang pengalaman kita dalam hubungan dengan Inggeris asas kenegaraan kita yang terbentuk menerusi pengalaman berkerajaan dan berpemerintahan sebagai Kesultanan Melayu Islam telah terpelihara dengan izin Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Demikian saya menyebutkan mengenai falsafah kenegaraan yang sudah turun-temurun terpelihara dan kita terima serta kita jelmakan dalam berpemerintahan serta berkerajaan pada zaman ini. Saya mengajak tuan-tuan dan puan-puan dan orang ramai di seluruh negeri ini amnya pada memahami kedudukan kerajaan dan pemerintahan negara ini supaya kita tidak mudah dikelirukan oleh sebarang fahaman dan konsep politik. Kami dalam gerakan Penerangan mengetengahkan perkara seumpama ini bukanlah dengan tujuan untuk memburuk-burukan amalan serta pengalaman orang lain dalam mana-mana sistem falsafah yang diikutinya itu. Tetapi untuk faedah-faedah semua adalah mustahak kita mengenal dengan jelas dan memahami dengan baik akan kedudukan kerajaan serta pemerintahan menurut amalan serta pengalaman yang sudah menjadi falsafah kenegaraan kita iaitu memberi dan meletakkan kedaulatan kepada Raja secara berperlembagaan dan berundang-undang.

Saya tidak bermaksud untuk berkempen mengenai kebaikan serta kebajikan sistem falsafah yang sudah kita terima dan amalkan ini. Tuan-tuan dan puan-puan khasnya dan setiap orang di Brunei ini pada keseluruhannya boleh mengukur sejauh mana falsafah yang menerima dan menjunjung kedaulatan Raja, kepimpinan Baginda dan kepimpinan dalam kerajaan Baginda itu telah mendatangkan faedah-faedah yang berkebajikan kepada negara dan rakyat. Kita dapat mengukur dengan sebaik-baiknya berdasarkan pertimbangan yang waras, ikhlas lagi jujur ke atas diri kita dan ke atas berbagai-bagai aspek kehidupan kita keseluruhannya.

Tetapi saya dan kami di Bahagian Penerangan berkewajipan bagi menegaskan kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa sekalipun kemajuan telah dianugerahkan oleh negara kepada kita dari segi taraf hidup dan pelajaran yang mana telah menjadikan kita berpengetahuan, berilmu dan berpengalaman menurut selera zaman ini. Tetapi hendaknya pengetahuan ilmu, dan pengalaman apapun tidaklah sepatutnya dan tidaklah selayaknya untuk menjadikan kita memperkecil-kecilkan nilai-nilai yang baik dalam kehidupan bangsa kita yang saya jelaskan dalam percakapan ini.

Kita mungkin jelas mempersoalkan kesesuaiannya untuk bukan sahaja ketahanannya bahkan juga ketahanan negara pada keseluruhannya. Dalam pada itu persoalan yang sebenarnya ialah keupayaan kita sendiri untuk menentukan kesesuaiannya itu yakni dengan terlebih dahulu merasa bangga sebagai yang mempunyai ciri-ciri kemuliaan dalam bernegara dan berkerajaaan berasaskan falsafah yang berakar umbi dalam kebudayaan kita. Saya tidak fikir kita mempersoalkan kebaikan falsafah tersebut di mana kononnya rakyat semata-mata berserah dan menyerahkan nasib kepada negara. Sebab menerusi kenyataan-kenyataan sepanjang pengalaman bangsa kita dari dahulu hinggalah sekarang kita selamanya menerima dan menjunjung hak serta keadilan. Berdasarkan itu dan juga berdasarkan pengalaman berkerajaan dan berpemerintahan menurut falsafah yang sedemikian itu - setakat ini -tidak ada sebab yang kuat untuk kita merasa waham dan walang akan terpedaya atau diperdayakan oleh sesiapa semata-mata kerana kita meyakini dan menjunjung tinggi falsafah kenegaraan yang memberi dan meletakkan kedaulatan kepada Raja secara berperlembagaan.

Mudah-mudahan Allah s.w.t. akan mengukuhkan pendirian kita dan meneguhkan sikap kita yang saya rasa dari kesan menerusi majlis ini terutama dari suara-suara yang tampil ke hadapan tadi. Ke arah itu kita berdoa hendaknya Majlis Ramah Mesra yang kita adakan ini akan diperkenankan dan diberkati oleh Allah s.w.t.

BAHAGIAN PENERANGAN
JABATAN SETIAUSAHA KERAJAAN
BRUNEI.

# Lawatan perubatan udara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah menyusun jadual lawatan rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter ke kampung-kampung pendalaman bagi bulan Ogos ini.

Pada hari ini, 3hb Ogos, rombongan tersebut berada di dua buah kampung di Daerah Temburong iaitu Kampung Biang Menengah dan Lamaling.

Kampung-kampung di Daerah Tutong yang akan dilawati ialah Kampung Ukong pada 8hb Ogos, Belabau pada 10hb Ogos, Supon Besar pada 16hb Ogos, Long Mayan dan Supon Kechil pada 17hb Ogos, Bukit pada 22hb Ogos, Benutan pada 29hb Ogos dan Mapol pada 30hb Ogos.

Rombongan tersebut akan melawat Kampung Sukang pada 9hb Ogos, Melilas pada 15hb Ogos, Teraja dan Apak2 pada 23hb Ogos dan Buau pada 24hb Ogos. Kesemua kampung-kampung tersebut adalah di Daerah Belait.

Rombongan perubatan itu akan berada sekali lagi di Daerah Temburong pada 31hb Ogos untuk memberikan rawatan perubatan kepada penduduk-penduduk Kampung Lopat. Penduduk-penduduk kampung yang berkenaan adalah di harapkan supaya berkumpul di tempat-tempat yang selalu digunakan sebagai klinik sementara. Kad-Kad perubatan hendaklah dibawa jika ada.

# RTB Intisari minggu ini

## Radio minggu ini:

# PERANAN RADIO SEMASA PERAYAAN

BAGI menghadapi istiadat-istiadat besar di Negara Brunei Darussalam ini, Bahagian Melayu Radio Brunei sedang mengatur kakitangan-kakitangannya untuk menyiarkan dan melaporkan istiadat-istiadat negara yang akan berlangsung pertengahan bulan Ogos ini. Istiadat-istiadat ini ialah Istiadat Barisan Kehormatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi memperingati hari Puja Usia Baginda yang ke-37 tahun.

Istiadat-istiadat yang penuh dengan kebesaran diraja dan negara ini akan disiarkan selengkapnya melalui udara sama ada siaran secara langsung atau secara rakaman-rakaman dari tiap-tiap istiadat yang meliputi ke seluruh negara. Bahagian Melayu sudah pun menyusun pegawai-pegawainya bagi membuat ulasan-ulasan seperti Barisan Kehormatan di Bandar Seri Begawan, yang dijangka akan diadakan di Padang Besar Bandar Seri Begawan dan kemudian istiadat mengadap di Lapau Bandar Seri Begawan, pada 15hb Ogos. Di Daerah Tutong pada 16hb Ogos, di Padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong, bagi istiadat barisan kehormatan dan di Dewan Kemasyarakatan bagi istiadat mengadap dan menjunjung duli. Daerah Temburong pada 18hb Ogos di Padang Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar, dan di Dewan Kemasyarakatan Temburong. Dan Daerah Belait akan mengadakan istiadat barisan kehormatan pada 21hb Ogos, di Padang KBRC dan istiadat mengadap di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait.

Tugas-tugas siaran ini disusun sedemikian rupa agar seluruh rakyat dan penduduk negara ini dapat mengikuti bersama-sama istiadat kebesaran itu walau di mana saja rakyat dan penduduk negara ini bermastautin, sama ada di dalam bandar atau di daerah-daerah pendalaman, kerana perkhidmatan penyiaran kerajaan ini meliputi seluruh pelusuk negara.

Kita percaya, seperti biasa ibu kota dan daerah-daerah lain, akan sarat dengan gelombang manusia untuk menyaksikan istiadat-istiadat barisan kehormatan dan perayaan-perayaan bagi memeriahkan sambutan yang dirai-kan setahun sekali oleh sekalian rakyat negara ini. Berbagai-bagai pertunjukkan kebudayaan antara bangsa akan dapat disaksikan. Dan berbagai-bagai rancangan akan diadakan. Dari sini, kakitangan Bahagian Melayu akan mengunjar bahan-bahan yang sesuai untuk dirakamkan dan disiarkan.

Pada 15hb Ogos, siaran secara langsung di istiadat-istiadat Barisan Kehormatan dan Istiadat Mengadap, akan dapat diikuti dalam tiga aliran bahasa Melayu, Inggeris dan Cina melalui gelombang-gelombang masing-masing.

Radio minggu ini, tidak lupa menyembahkan ucapan Allah lanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat-kerabat Diraja yang lain.

## Sandiwara Radio:

# "JIKA KAU PUNYA HATI YANG KEJAM"

SANDIWARA Radio Minggu Ini adalah hasil karya Awang bin Haji Tengah yang berjodol Jika Kau Punya Hati Yang Kejam.

Penulis mendedahkan tentang kisah lama yang dialami oleh watak Ahtna dengan Rozi yang mana dalam musim percintaannya telah melalui detik-detik yang indah tapi bertukar corak setelah mendirikan rumahtangga.

Rozi berhadapan dengan masalah di antara memilih untuk tinggal bersama orang tuanya atau suaminya setelah mendirikan rumahtangga. Hendak tinggal bersama suaminya, orang tuanya menentang dengan kerasnya. Kerana itu terpaksalah dia tunduk pada kehendak orang tuanya dan mengorbankan perasaannya untuk tinggal bersama suaminya.

Bertolak dari sanalah rumahtangga mereka menemui keruntuhan dan dengan rasminya mereka bercerai. Setelah perceraian itu masing-masing mereka hidup menyendiri.

Walaupun mereka telah bercerai, takdir telah menentukan untuk Ahtna menemui dan mengenali anak kandungnya. Setiap hari ketika di sekolah, Ahtna menemui anaknya Dewi. Perkara itu akhirnya sampai juga ke pengetahuan ibunya, bila Ahtna menyerahkan sebuah sajak yang pernah dihadiahkannya pada ibu Dewi.

Pertemuan di antara anak dan ayah itu menemui jalan buntu bila kemalangan menimpa Dewi. Dari kemalangan itu, Dewi telah kehilangan sesuatu yang amat berharga bagi kehidupannya. Tapi nasibnya baik kerana ada orang yang sanggup mendermakan sesuatu yang berharga itu kepadanya.

Apakah kecacatan yang dialami oleh Dewi? Siapa pula yang menyelamatkannya itu? Untuk mengetahuinya ikutilah siarannya pada 7hb Ogos, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Jamilah Abdullah.

## Kursus Tari-me... anjuran RTB

RADIO Televisyen Brunei sekali ... kan satu kursus tersebut di atas ... masa selama 12 minggu bertu... awda yang berminat dalam lapa... menyertai dalam rancangan-ranca... TV setelah berjaya kelak.

Kursus ini adalah percuma ... pada lelaki dan perempuan yang ... tahun ke atas. Kursus itu akan di... ngunan Jabatan RTB sendiri, ... hari Jumaat dan Ahad dari jam 8... 11.30 pagi.

Adalah diharapkan kepada me... pilih menghadiri semua latihan-lati... gal. Penari-penari terbaik akan di... mengambil bahagian dalam ranca... an hiburan TV dari semasa ke ma...

Borang untuk menyertai kursus ... dapati di Penyambut Tetamu RTB.

Tarikh tutup menerima borang ... berserta gambar tidak lewat pada ... 31hb Ogos, 1983 jam 4.00 petang.

Permohonan yang lewat dari ta... tidak akan dilayan.



TETAMU RADIO akan dipenuhi oleh ... Indonesia yang terkenal Roy Marten. Rancangan tersebut akan ke udara ... Ogos 1983 jam 5.00 petang.
Kelihatan Awang Haji Abdul Manap, ... dengan pelakon terkenal Roy Marten.

# Rancangan TV Pendidikan dari 8hb. hingga 13hb. Ogos

### ISNIN — 8HB OGOS

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 20 (Colours)
Dalam rancangan minggu ini murid-murid pula akan diajar mengenai nama-nama warna di samping dapat belajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 't'. Di Owl's hut, Izat dan J.J. telah mendengar sebuah cerita dari Owl.

9.20 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Elektrik 1)
Dalam kehidupan kita sehari-hari, kita banyak menggunakn alat-alat perkakas yang memerlukan tenaga elektrik. Tenaga elektrik dapat kita bahagikan kepada dua bahagian :
1. Tenaga elektrik statik
dan
2. Tenaga elektrik arus
Dalam rancangan ini, murid-murid akan belajar berkenaan dengan tenaga elektrik statik.

10.30 KAP KAP UDANG 928.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti DI MANA TEMPATNYA, KETUA KESELAMATAN, TUNJUK BENDA, MINUM, MENGATUR GAMBAR dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 928.

### SELASA — 9HB OGOS

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 20 (Colours)
9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Elektrik 1).
10.30 KAP KAP UDANG 929.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, PETI SURAT, MINUM, BERSENAM dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 929.

### RABU — 10HB OGOS

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 20 (Colours)
9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Elektrik 1).
10.30 KAP KAP UDANG 930.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, MAIN KIM, MINUM, BERSENAM, PETI SURAT dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 930.

### KHAMIS — 11HB OGOS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 931.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-ana... aktiviti-aktiviti seper... KUL, SI MANIS ... TUMBUK, HALA... TA dan CERMIN SA... Tajuk cerita Cikgu ... ialah Siput Dengan ...

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGA... UDANG 931.

### SABTU — 13HB O...

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG ...
Rancangan hari ... aktiviti-aktiviti sepe... SELAMATAN, YA... JIL, MINUM, MA... NYANYI dan CERM...

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGA... UDANG 932.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 3HB OGOS

...UKAAN
...KAN DAN MARI KITA
...OA
...NAN RANCANGAN
...KAP UDANG
...ESNORT HOTEL
...DY WOODPECKER
...ITA AWAL
...ERENT STROKES
...sod terakhir)
...ONTACT
... MAGHRIB
...ONTACT — sambungan

...ITA DALAM BAHASA
...GERIS
...T TO HART :
...The Harts Turn"
... ISYAK
...T TO HART — sambungan
...TA BERITA
...TAN NASIONAL
...EE'S COMPANY
...NCY : "Women of Valor"
... terpaksa membela seorang ... yang dituduh menyebabkan ke... seorang anak damit ketika di...
...NGAN GAMBAR :
...s of Montezuma" (Drama)
... benar mengenai askar marine ... ketika membuat pengintipan ... peninjauan ke sebuah pulau di ... yang di tawan oleh Jepun da... Perang Dunia Kedua. Pelakon-...: Richard Wickmark, Jack ..., Karl Maldan, Richard Boone, ... lain-lain.
...RAN TAMAT.

7.51 AZAN ISYAK
7.56 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 REGGIE JACKSON WORLD OF SPORTS
10.35 NINE TO FIVE
11.05 THE DEVLIN CONNECTION : "The Corpse In The Coniche"
Apabila Brian dan Nick dan pasangan mereka pergi berkelah, mereka mendapati satu mayat dalam kereta Nick kepunyaan ayahnya. Brian berpendapat perbuatan itu adalah untuk mengingatkan perbuatannya memasukkan seorang penjenayah ke penjara kira-kira tujuh tahun sebelumnya.
11.50 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 4HB OGOS

...

...MBUKAAN
...QURAN DAN MARI KITA
...RDOA
...SUNAN RANCANGAN
...P KAP UDANG
...SAME STREET
...RITA AWAL
...LES OF MAGIC
...FARI TO ADVENTURE :
"...w Animals"
... kali ini mempaparkan dua jenis ... yang mendapati kehidupan ... cuaca yang dingin (bersalji) ... satu perkara biasa. Mula... kitani menyaksikan sejenis mo... di Jepun dan kemudian diikuti ... sejenis rusa yang mengharungi ...-lereng pergunungan yang dili... salji di Amerika Syarikat.
...AN MAGHRIB
...FARI TO ADVENTURE — ...mbungan

...RITA DALAM BAHASA
...GERIS
...GHT RIDER



... dan Scott Baio merupakan ... Chachi dalam siri baru JOANIE ... CHACHI yang akan bermula Ju... kira-kira jam 3.30 petang.

## HARI JUMAAT 5HB OGOS

**TENGAH HARI**
12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.16 CERAMAH UGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN
1.25 ROAD TO LOS ANGELES

**PETANG**
2.15 BRET MAVERICK : "Dead Live Sweet Water"
3.00 MIGHTY MAN AND YURK
3.30 JOANIE LOVES CHACHI (Siri baru)
3.48 AZAN ASAR
3.53 JOANIE LOVES CHACHI — sambungan
4.00 THE LITTLE RASCALS (Episod terakhir)
4.25 FILEM RENCANA : Brunei Dalam Pembangunan No. 3 (Ulangan)
4.55 THE ELECTRIC COMPANY
5.02 WORLD OF TOOLS
5.35 RICKETY ROCKET
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 WIDEWORLD
6.40 AZAN MAGHRIB
6.50 WIDEWORLD — sambungan

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TUCKER'S WITCH : "Rock Is A Hard Place"
Penyiasatan Tuckers ke atas kes seorang yang dilaporkan hilang membawa mereka ke dunia rock music dan pembunuhan.
7.51 AZAN ISYAK
7.56 TUCKER'S WITCH — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA : "Budi" Bhg. 4.
9.35 DALLAS
10.25 BENSON
10.55 CBS SPORTS SPECTACULAR
11.25 CHICAGO STORY : "Who Needs The Truth" Bhg. 1.
12.10 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 6HB OGOS

**PETANG**
4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 NATURE WATCH : "Mt. St. Helene"
6.30 ANIMAL WORLD : "The Odd Couple"
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 ANIMAL WORLD — sambungan

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL.
7.50 AZAN ISYAK
7.55 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Wajah Seorang Laki-Laki"



THE CHILDREN OF THE NEW FOREST mengisahkan kehidupan di England selepas Perang Saudara dalam pertengahan kurun ketujuh belas. Manakala siri rancangan akan bermula jam 5.00 petang Selasa depan.

11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Crisis In Mid Air"
Satu drama tegang di bilik kawalan udara sebuah lapangan terbang. Tindakan yang melibatkan hidup atau mati terpaksa dibuat oleh pekerja-pekerja yang berada di sana ketika itu. Pelakon-pelakon: George Peppard, Karen Grassle, Desi Arnaz, Don Murray, dll.
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 7HB OGOS

**PETANG**
2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 THE GOLDIE GOLD AND ACTION JACK : "The Goddess of the Black Pearl"
2.45 THE JEFFERSONS
3.30 SALAM MESRA : "Pretty Sisters" (ulangan)
3.48 AZAN ASAR
3.52 SALAM MESRA — sambungan
4.00 PLASTIC MAN
5.00 DR WHO : "Full Circle" Bhg 4
5.15 TARGET THE IMPOSSIBLE : "To Solve The E.S.P. Mystery"
5.45 SPIDERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 SPIDERMAN — sambungan
6.15 LOVE SIDNEY : "Laurie's Commercial"
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 LOVE SIDNEY — sambungan

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON : "Yacht Club Murders"
Honey Lewis, bekas temanita lama Matt berkehendak bantuannya untuk menyiasat punca sekeping surat ancaman yang diterima oleh Honey di kelab layar di mana dia bekerja sebagai pengurusnya.
7.50 AZAN ISYAK
7.55 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SIARAN LANGSUNG DARI DEWAN RAYA (No. 1)
9.20 FORUM
10.10 MIND YOUR LANGUAGE
10.35 DOKUMENTARI : "The Rickshaw Boy"
11.25 BRIDESHEAD REVISITED "Sebastian Against the World"
12.20 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 8HB OGOS

**PETANG**
4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PIGEON STREET
5.15 THE PERILS OF PENELOPE PITSTOP : "London Town Treachery"
5.40 DASTARDLY AND MUTTLEY
6.00 BERITA AWAL
6.05 HEALTH TIP
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 HEALTH TIP — sambungan

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TALES OF THE GOLD MONKEY — "High Stakes Lady"
Jakes menerbangkan seorang wanita ke satu perjudian poker yang besar di Tagataya. Apabila mengetahui bahawa perjudian itu melibatkan penyeludupan segulung filem, Jake sedar ini juga akan melibatkan nyawanya sendiri.
7.50 AZAN ISYAK
7.55 TALES OF THE GOLD MONKEY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 ARE YOU BEING SERVED : "Heir Apparent"
9.35 THE VOYAGE OF CHARLES DARWIN : "I felt myself brought within reach of that great fact— that mystery of mysteries"
Gempabumi di Chilean Concepcion dan terjumpanya hidupan-hidupan ganjil di kepulauan Galapagos membuat Charles Darwin percaya dia hampir-hampir kepada punca segala kehidupan.
10.35 GOLIATH AWAITS Bhg. 2.
11.25 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 9HB OGOS

**PETANG**
4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE CHILDREN OF THE NEW FOREST (Siri baru)
5.30 RICHIE RICH
6.00 BERITA AWAL
6.05 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
6.39 AZAN MAGHRIB
6.39 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT — sambungan

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FALCON CREST : "Love, Honor, Obey"
7.50 AZAN ISYAK
7.55 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.10 DYNASTY
10.10 TAYANGAN GAMBAR : "Power Within"
11.50 SIARAN TAMAT.

# Rancangan rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00-6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sukan |
| 8.15 | Intisari Rancangan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 12.00-12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo) |
| 12.15 | Mutiara Titah |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 5.45 | Brunei Dalam Sejarah |
| 6.00 | Siri Mukaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | [illegible] |
| 8.00 pagi | [illegible] |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | [illegible] Jumaat |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU
## 3HB OGOS

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang A. Rafiq.

TENGAH HARI: 12.15 — Khidmat Radio (SU), 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara Yatim Mustapha Siri 8), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00—Menyusur Pendalaman (SU), 9.30 — Senandung Budaya. 9.45 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS
## 4HB OGOS

PAGI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar. 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Puspasari/Hiburan.

PETANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.40 — Senandung Budaya (SU), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Lagu-lagu Nasihat.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.30 — Lagu-lagu Asli.

## HARI JUMAAT
## 5HB OGOS

PAGI: 7.30 — Khidmat Radio, 7.50—Future Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Pusparama, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Hiburan Petang, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dialog Semasa, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00—Suntingan Khutbah Jumaat, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00—Majalah Ugama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

## HARI SABTU
## 6HB OGOS

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30—Hiburan Untuk Adik-Adik.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 1.45 — Dialog Semasa.

PETANG: 8.00—Pertandingan Aslirama '83, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00—Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli, 5.00—Intisari Minggu, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.30 — Usaha Jaya, 9.45 — Senandung Malam.

## HARI AHAD
## 7HB OGOS

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantuan.

TENGAH HARI: 12.00—Tahniah Dan Ucap Selamat, 1.00—Pertandingan Bintang Aslirama '83 (SU).

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30—Majalah Sukan, 4.00—Hiburan Petang Minggu, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Hiburan/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang.

## HARI ISNIN
## 8HB OGOS

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30—Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 — Dendang Remaja, 4.30 — R[illegible] 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — [illegible] wakili Zamannya, 5.15 — [illegible] 5.45 — Kuliah Ugama (SU).

MALAM: 7.00 — Majalah [illegible] — Hiburan Malam, 8.30 — [illegible] usahaan, 9.00 — Lagu-lagu [illegible] — Ku Tujukan Lagu.

## HARI SELASA
## 9HB OGOS

PAGI: 8.30—Suara Perajurit [illegible] — Dendang Antarabangsa, [illegible] Pendengar, 10.15 — [illegible] Dangdut, 10.30—Rampaian [illegible] — Lagu-lagu Permintaan [illegible] 11.15 — Dari Lambaran Awda [illegible] Senandung Seloka.

TENGAH HARI: 1.30 — [illegible] Ria.

PETANG: 2.00 — Ku Sampaikan [illegible] — Gema Silam, 3.30 — Usaha [illegible] 4.00—Gema Keroncong/P[illegible] Seni Dan Sastera, 5.00 — [illegible] 5.15—Untuk Awda, 5.45—[illegible]

MALAM: 7.00—Ruangan [illegible] Selingan Irama, 8.15 — [illegible] ramai, 9.00 — Kugiran T[illegible] 9.45 — Senandung Malam.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Classical music night with Rory Higgins |
| 8.30 | Hello Tomorrow |
| 9.00 | Music Pleasant and Unpleasant by Bernard Show Prog. 8. |
| 9.30 | Classical Music (continued) |

### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme. |
| 8.15 | Sixty-Minute Theatre: "The Cranes Are Flying" by Victor Rozov. |
| 9.30 | Country Club — 52 |

### Fridays/Holidays

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Music in the World of Islam Prog. 8. |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands. |
| 11.30 | Children's half hour |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | The Palm Court Trio 5/6. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | My Music — 260/267. |
| 1.15 | Book Club: "The Thirty-nine Steps" by John Buchan — 6/10. |
| 8.00 | The World of Books. |
| 8.30 | Up The Belait River Without A Paddle. |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | A Date with . . . |

### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Melody Time. |
| 8.30 | Strictly Instrumental |
| 8.45 | Just A Minute — 267/287. |
| 9.30 | Top of The Pops — 974. |

### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Our Views: A discussion programme with chairlady Hayati Pehin Salleh. |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | London This Week. |
| 12.00 | A Date with . . . |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 974. (repeat) |
| 1.30 | Close Down. |

STUDENT NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Inter School Debating Competion 1983. SMJA vs St. Andrew's in the Lower Secondary Section. |
| 8.30 | Beautiful Music — 36/48. |
| 8.45 | BBC Science Magazine |
| 9.30 | Drama: "The Tempest" — A Play in Six Parts by William Shakespeare—Part 1. |

### Monday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: "Where the buffalo [illegible]" by Dennis Pottov |
| 8.45 | Profile: "Gary N[illegible]" Pt. 1. |
| 9.30 | A Play On Words—[illegible] |

### Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special: "Thin Lizzy" Sides [illegible] |

### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.30 | Allah Peliharakan S[illegible] |
| 6.32 | Quran and It's trans[illegible] |
| 6.40 | Brunei's AM. |
| 7.00 | Local News with [illegible] and Brunei In History |
| 7.15 | Brunei's A.M. (continued) |
| 11.00 | Ladies At Eleven—[illegible] Fridays and Sundays |
| 12.00 | Lunch Break — except [illegible] days and Sundays |
| 12.30 | News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 9.30 | News. |

# …WATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## …I PENGAWAS BENGKEL

…hohonan …daripada …terdiri dari …Duli Yang …Paduka Seri …dan Yang …Brunei …dilantik se… …S BENG… …Tem…

…EB. 5 —

…engalaman:

…kurang dari

…mestilah …City and …mata-mata …berkenaan …seban… …serta ber… …memper… …kerosakan …ringan.

…yang ti… …kelayakan …meme… …sebagai …Tingkatan …shop-work… …sekurang… …8 tahun …pengala… …men… …sese… …tersebut, …men… …serta …berat …di…

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 15hb Ogos, 1983.

(E/741/82)

(Bil.: 130/1983)

## Di dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa dari calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT II:
(di Pejabat Kelab Polo Diraja)

**Tanggagaji:** D2-3 EB. 4— $515-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan telah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkat III sekurang-kurangnya selama 3 tahun dalam perkhidmatan bergaji hari dan bulan akan juga dipertimbangkan.

ATAU

c) Bekas perajurit-perajurit Askar Melayu Diraja Brunei yang telah bersara dan pernah berkhidmat bertahun-tahun di bahagian Quartermaster/Logistic dalam pasukan tersebut boleh juga memohon dan akan dipertimbangkan.

2. PEMBANTU PENYELENGGARAAN:
(di Pasukan Polis Diraja Brunei)

**Tanggaagji:** D. 2 — $515-$655 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains (Fiziks) di Peringkat Biasa atau mempunyai kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

Mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman bekerja sebagai juruelektrik pelatih atau juruteknik radio.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 23hb Ogos, 1983.

(E/469/78)

(Bil.: 143/1983)

## Sebagai Wadar di Pejabat Penjara

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Wadar di Jabatan Penjara, Brunei.

Kelayakan-kelayakan:

a) Berumur antara 18 hingga 25 tahun.

b) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah Enam (VI) Sekolah Melayu atau darjah yang sebanding dengannya di Sekolah Inggeris. Kelulusan yang lebih tinggi adalah satu keutamaan.

c) Tinggi tidak kurang 5 kaki 2 inci.

d) Dada sekurang-kurangnya 31 inci apabila tidak ditarik nafas.

e) Tubuh badan sihat dan tegap serta lulus pemeriksaan kesihatan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

**Tanggagaji:**

P1 EB. 2 —
$480-490-500-510-520-530-540-550-560-570-580-590-600/E B/605-615-625-635-645-655-665-675-685.

Elaun 'P' sebanyak $100.00 sebulan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Catatan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil persekolahan ke Jabatan Penjara, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari 29hb Ogos, 1983.

## SEBAGAI PENYEMAK

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENYEMAK di Pejabat Pusat Sejarah, Brunei.

**Tanggagaji:** D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mempunyai keulusan sekurang-kurangnya dalam 3 mata pelajaran di Peringkat Biasa termasuk Bahasa Melayu (tidak termasuk mata pelajaran senilukis).

b) Boleh menguasai 2 Bahasa (salah satu daripadanya Bahasa Melayu) serta dapat menulis dan membaca jawi dengan baik.

c) Mempunyai kecenderongan dalam kerja percetakan, penerbitan seperti buku, artikel dan risalah.

d) Mereka yang mempunyai kelulusan mata pelajaran Inggeris Peringkat Biasa adalah satu kelebihan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 23hb Ogos, 1983.

(E/1865/83)

(Bil.: 144/1983)

## TAWARAN J.K.R. KUALA BELAIT

### SERIAL No. KB. 60/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk:

PROJEK: "SAMBUNGAN PEJABAT PELABUHAN, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 61/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "PENGGANTIAN PENTAS (GRAND-STAND) BAGI PADANG KBRC, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 62/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN 1 BLOK KELAS F PERUMAHAN PEGAWAI RENDAH UNTUK BIDAN DI KAMPUNG LUMUT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $300.00.

## SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

## …N JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN-PERBEKALAN NEGARA

…983 …akan di… …Lem… …di Peja… …Bandar …12.00 …22hb …bekalkan …tersebut …Stor… …Negara.

…TER… …NIS… …AN

…mengenai …diper… …Stor-Stor …Batu …semasa

Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 60/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 22hb Ogos, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF TEEPOL 750MLS DAN POLISH GLASS WINDOLENE SPRAY.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 61/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 22hb Ogos, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF NYLON PVC COATED 149/152CM WIDE QUALITY 12715 ATAU YANG SEBANDING DENGANNYA.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa watku-waktu bekerja.

### No. 62/983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 22hb Ogos, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF TUBES BERJENIS-JENIS UKURAN.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa watku-waktu bekerja.

…983 …akan di… …Lemba… …di Pejabat …Bandar …12.00 …22hb …bekalkan …tersebut …Stor… …Negara.

…RES BER… …KURAN.

…mengenai …bolehlah …Stor… …Perbe… …Jalan

## ROYAL CUSTOMS AND EXCISE DEPRATMENT

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financcial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan, up to 4.30 p.m. on Monday 22nd August 1983 for the supply of the following:

1. Two units of four wheel drive vehicles;
2. The vehicles (in Seablue and biege) should be able to accommodate at least 6 adults and must have not less than 1600 c.c. petrol engine. Safety belts for the front seats and standard tools must be made available;
3. Transmission — manual;
4. Must be air-conditioned;
5. To be "Tuff Kote";
6. Customs logo on both front doors;
7. All prices quoted must be C.I.F. Brunei basis;
8. Date of delivery to be stated but not later than two months from closing date of this tender;
9. Tenders received after this time will be rejected;
10. Tenders must be submitted in plain sealed envelope and mark "4 wheel drive vehicle". The name of the tenderer must not appear on the envelope;
11. The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.
12. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWA...

## PERMOHONAN BAGI PERKHIDMATAN BAS SEKOLAH

1. SYARAT BAS
   (1) Muatan sebagaimana yang dikehendaki di para 6.
   (2) Memenuhi syarat yang dikehendaki oleh pihak Jabatan Pengangkutan Darat.
   (3) Nilaian harga bas berdasarkan harga TUNAI.
   (4) Penilaian semula harga bas akan diadakan pada selepas tiga dan lima tahun dari tarikh bas tersebut mula berkhidmat.
   (5) Demi untuk keselamatan kanak-kanak sekolah, tiap-tiap sebuah bas sekolah hendaklah mempunyai seorang konduktor (conductor) atau mempunyai pintu automatik serta segala alat-alat keselamatan yang dikehendaki oleh bas perkhidmatan awam.
   (6) Sebarang bas sekolah yang mansuh cukai jalannya (road tax) tidak akan disewa kerana jika terjadi sesuatu perkara yang tidak diingini seperti kemalangan dan lain-lain, pihak insurance tidak akan bertanggjawab ke atasnya.
   (7) Hal pelisenan adalah tanggungjawab dan urusan pemohon.
   (8) Bas yang disewa adalah sebuah bas mengikut tafsiran Jabatan Pengangkutan Darat bukan pick-up atau land rover dan sebagainya.
   (9) Penyewaan adalah tertakluk kepada kebenaran Lembaga Melisen Kenderaan Bermotor.
2. PERKHIDMATAN
   (1) Bersedia/berkesanggupan menunaikan perkhidmatan dengan baik, selamat dan memuaskan.
   (2) Bersedia pada bila-bila masa membantu Jabatan Pelajaran dalam urusan pengangkutan murid-murid/penuntut-penuntut di luar daripada angkutan harian (umpamanya menghantar/mengambil penuntut-penuntut asrama pada masa cuti-cuti penggal dan sebagainya).
   (3) Sentiasa menjaga keutuhan bas yang berkenaan supaya dapat menyelesaikan tugas-tugasnya dengan sempurna.
   (4) Bertanggungjawab atas keselamatan perjalanan (pergi/balik) penuntut-penuntut angkatannya serta menjamin kehadiran penuntut-penuntut tersebut pada waktu-waktu yang dikehendaki.
   (5) Bertanggungjawab untuk bertindak segera bagi mengadakan ganti (bas lain). Sekiranya bas sekolah tersebut tidak dapat digunakan. Sekiranya gagal berbuat demikian hendaklah dilaporkan kepada pihak Pegawai Kenderaan Jabatan Pelajaran dengan segera. Bayaran bulanan akan dipotong sebanyak mana kadar perkhidmatan yang tidak ditunaikan atau sebanyak mana bayaran yang dibayarkan kepada yang menggantikannya.
3. SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN PEMOHON
   (1) Semua permohonan mesti menggunakan borang yang disediakan oleh Jabatan Pelajaran.
   (2) Keutamaan adalah diberi kepada permohonan-permohonan daripada Persatuan dan Pertubuhan Awam yang berdaftar daripada permohonan-permohonan perseorangan.
   (3) Keutamaan diberi pada permohonan di kawasan dan daerah yang berkenaan.
   (4) Permohonan-permohonan sama ada perseorangan, syarikat atau persatuan mestilah (ahlinya) terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
   (5) Bagi syarikat atau persatuan mestilah melampirkan senarai ahli dan jawatan yang dipegang oleh ahli dalam syarikat/persatuan.
   (6) Perkhidmatan akan digantung atau diberhentikan terus dengan tidak diberi bayaran ganti rugi atau lain-lain bayaran pada bila-bila masa sebelumnya atau sesudah 36 bulan (3 tahun) perkhidmatan sekiranya didapati salah satu daripada perkara ini berlaku:—
      (a) Perkhidmatan tidak memuaskan.
      (b) Penukaran hak milik daripada nama pemohon yang asal, atau penyelewengan penggunaan sesuatau nama atau pihak.
4. IKATAN PERJANJIAN
   Mana-mana pemohon yang terpilih adalah dikehendaki membuat perjanjian dan pengakuan bertulis sebagai mengikat kontrek kepada Jabatan Pelajaran
5. SYARAT BAYARAN PERKHIDMATAN
   (1) Jabatan Pelajaran bersedia menggunakan perkhidmatan sesebuah bas tidak kurang daripada 4 tahun.
   (2) Pemohon yang berjaya akan diberi bayaran sejumlah wang, hasil daripada perkiraan yang dimanakan BAYARAN BULANAN, dengan tertakluk kepada ceraian 3 di bawah.
   (3) Pemotongan ke atas bayaran bulanan akan diadakan seperti maksud para 2 (5) atau oleh sesuatu perkara dalam para 3 (6).
6. KEHENDAK-KEHENDAK ADALAH SEPERTI BERIKUT :
   (a) DAERAH BRUNEI DAN MUARA
      Bas — 9 buah
      Bas Mini — 13 buah.
      PERJALANAN-PERJALANAN
      **Bas Mini (16-26 Penumpang)**
      2 buah — Pantai Jerudong/Polo/Katimahar/MMPSBS/SS
      2 buah — Junjungan / SPI Lumapas / SM Sungai Kebun
      2 buah — Kasat/SPI Lumapas/SM Sungai Kebun
      2 buah — Lumapas/SM Sungai Kebun
      1 buah — Subok/SPI Mabohai
      1 buah — Pancur Murai/SMJA/SOASC/STPRI
      1 buah — Burung Lepas/Sinarubai/Bengkurong/SMJA/SOASC/STPRI
      1 buah — Sepanjang Jalan Residency/PTE
      1 buah — Sepanjang Jalan Residence/PTE
      1 buah — Sepanjang Jalan Kota Batu/PTE
      **Bas (40-52 Penumpang)**
      2 buah — Jerudong/SPI Sengkurong/Mulaut
      2 buah — Berakas Kem/MMPSBS/SS/SPI Delima 1
      3 buah — Jalan Tutong/MMPSBS/SS
      1 buah — Sepanjang Jalan Tutong/SMM Bendahara Sakam Bunut
      1 buah — Sepanjang Jalan Mulaut/SSM Bendahara Sakam Bunut/SMSMJA/SOASC
   (b) TUTONG
      Bas Mini — 8 buah (16-26 Penumpang)
      Bas — 2 buah (40-52 Penumpang)
      PERJALANAN-PERJALANAN
      **Bas Mini (16-26 Penumpang)**
      2 buah — Bukit Udal/Tutong
      4 buah — Rambai/Ukong/Layong/Sungai Damit/Penapar/Meranti/Lubok Pulau/SPI Tanjong Maya/Tutong
      1 buah — Rambai/SPI Kiudang
      1 buah — Dari lain-lain kawasan Pendalaman/SPI Tanjong Maya dan lain-lain.
      **Bas (40-52 Penumpang)**
      1 buah — Kawasan Layong/Lamunin/SPI Kiudang
      1 buah — Batu 18 Simpang Lamunin/SPI Kiudang
   (c) TEMBURONG
      **Bas (40-52 Penumpang)**
      1 buah — Temada/Bokok/Puni/Bangar
      1 buah — Labu Estate/Batu Apoi/Bangar

## Di Perjawatan, Bahagian Unit Latihan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa dari calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di Jabatan Perjawatan, Bahagian Unit Latihan, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN :

C. 3 EB. 4 — $1735-$2280 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemegang Higher National Diploma dalam Pentadbiran Awam atau Pengurusan/Pengurusan Kakitangan.
   ATAU
   Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang latihan dan telah pernah mengikuti latihan formal mengenai latihan yang dikendalikan oleh Institusi latihan yang diiktiraf.
   ATAU
   Mempunyai Sijil Brunei Cambridge dan telah berkhidmat selama 8 tahun perkhidmatan perkeranian termasuk jawatan Kerani Tingkatan II atau yang sebanding dengannya.
b) Mempunyai pengetahuan asas mengenai kegiatan Jabatan-Jabatan Kerajaan serta hal yang bersangkut dengan Peraturan-peraturan dan Peraturan-peaturan Am Kerajaan dan juga Adat Istiadat Brunei.
c) Berkebolehan untuk mentadbir rancangan-rancangan latihan serta menyediakan rancangan-rancangan kursus-kursus latihan dan kegiatan yang bersangkutan dengannya.

**Umur :**

Antara 22 hingga 40 tahun.

**Latihan :**

Bersedia untuk mengikuti kursus-kursus sengkat di dalam dan luar negeri.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Bertanggungjawab kepada Ketua Unit Latihan, Jabatan Perjawatan.
b) Memeriksa dan mengendali kehendak-kehendak latihan di dalam Kerajaan sama ada bersama-sama atau berasingan.
c) Membuat penganalisaan penilaian mengenai latihan.
d) Menyediakan dan mengubasuai isi kursus-kursus latihan, membuat persiapan nota-nota kursus serta penyampaiannya.
e) Membantu di dalam perlaksanaan tugas dan peranan yang dibuat oleh Unit Latihan.
f) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Pejabat.

2. PENYELIA KURSUS-KURSUS :

C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan dalam 2 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'A' dan sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyeliaan. ...
   ATAU
b) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyeliaan sekurang-kurangnya 5 tahun.
c) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi mempunyai pengalaman yang luas terhadap penyusunan dan penyeliaan terutama di dalam segi latihan akan juga dipertimbangkan.
d) Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Lapuran Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 11hb Ogos, 1983.

(E/2278/81)

(Bil. : 131/1983)

## Ketua Pembantu Te...

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai KETUA PEMBANTU TEKNIK di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Brunei.

C. 3-4 EB. 5—$1735-$2580 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur 25-40 tahun.
b) Mestilah mempunyai Higher National Diploma dalah kejuruteraan Awam dari sesebuah Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya.
c) Mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang kerja-kerja bangunan, ukur kuantiti dan kejuruteraan mekanikal. Pengalaman dalam kerja-kerja pengawasan mesin-mesin, perkakas-perkakas dan alat-alat sukan dengan baik adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

Bertanggungjawab ke atas segala pengawalan dan pemeliharaan bangunan-bangunan, jentera-jentera, mesin-mesin, perkakas-perkakas dan peralatan-peralatan sukan jabatan yang digunakan untuk

## Di Jabatan Perubatan da...

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. PENOLONG PENCATAT GARIS OTAK

M. 4-5 EB. 6—$745-$1500 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran di peringkat 'O', termasuk Bahasa Inggeris dan Fizik. Kelulusan dalam mata-mata pelajaran sains di peringkat 'A' adalah merupakan suatu kelebihan.
b) Mestilah berumur antara 18 hingga 30 tahun.

**Tugas-tugas :**

a) Merekod EEG mengikut arahan Pakar Perubatan.
b) Membuat kerja-kerja penyelenggaraan yang mudah.
c) Menyimpan maklumat.
d) Mestilah sanggup bekerja pada waktu-waktu yang tidak tetap.

2. PENYAMBUT TETAMU KESIHATAN

D. 1 EB. 2-3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah wanita yang telah mencapai umur 18 tahun tetapi tidak melebihi 25 tahun.
b) Pemohon-pemohon mestilah Tingkatan II Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu.
c) Pemohon-pemohon mestilah boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik.

**Am :**

Pemohon-pemohon mestilah bersedia bertugas di mana-mana daerah di dalam negeri.

3. TUKANG PANCUT :

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah

# ...ATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Jabatan Radio dan Televisyen, Brunei.

...an adalah dipelawa daripada calon-... rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka ... Yang Di-Pertuan Negara Brunei ...hi jawatan-jawatan kosong yang ... dan Televisyen, Brunei.

... $1735-$2580 sebulan. Gaji permulaan ... kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**... Pengalaman :**

... National Diploma seberang laut yang ... sebanding dengannya terutama se-... jurusan seni bagi kreativiti dalam pe-...rancangan televisyen.

...-kurangnya 3 tahun pengalaman se-... Penerbit (TV) dan telah membuktikan ... yang bermutu. Sijil Persekolahan ... yang sebanding dengannya dalam mata ... Melayu, Inggeris, Seni Lukis dan lain-... paut dengan kreativiti adalah mus-...

...rancangan dengan apa sahaja yang ...dikan, membuat skrip, memilih dan ...-penyumbang dan artis luar, me-... kemudahan bagi liputan luar, mem-... bentuk dan pembinaan set, studio dan ... rancangan.

...ARIKATA :

... $720-$1290 sebulan. Gaji permulaan ... kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**... Pengalaman :**

... Tingkatan V dan GCE Peringkat 'O' ... pelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris ... dn bertutur dalam Bahasa Melayu ... Berkeupayaan berfikir dan bertindak ... dalam suasana tegang.

... kerja-kerja menaip dan trengkas ... kelebihan.

... berjaya mestilah bersedia untuk ber-... masa dikehendaki di luar masa pekerjaan ... secara bergilir-gilir (shift). Calon-... festilah bersedia untuk bertugas di ... di dalam negeri.

...PERSEMBAHAN RENDAH :

... — $425-$1290 sebulan. Gaji permulaan ... kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**... Pengalaman :**

... V Melayu atau Inggeris, fasih menulis ... Bahasa Inggeris bagi mereka dari-... adalah satu kelebihan. Mempunyai ... pada pemikiran dan mempunyai mi-... dalam rancangan-rancangan TV. ATAU ... yang tidak mempunyai kelayakan yang ... mempunyai pengalaman professional ... dengan kebolehan yang terbukti dalam ...-kurangnya selama 2 tahun boleh ...kan.

... MCR menyusun kapsen-kapsen ran-... rancangan, meneliti slide-slide dan ... Mencatat waktu pemancaran yang ... rancangan-rancangan dan iklan-iklan ... dijadualkan dan mengambil alih lain-... yang dikehendaki oleh Pengawas MCR.

...ENERBIT (TV)

... — $1110-$1980 sebulan. Gaji permulaan ... kelayakan dan pengalaman.

**... Pengalaman :**

... 2 mata pelajaran GCE Peringkat ... dengannya, atau mempunyai Di-... Televisyen dan minat mengenai pener-... rancangan seperti sukan, agama, musik ... boleh menulis dan bertutur dalam ... Melayu. Permohonan-perhomonan ... kakitangan RTB akan dipertimbang-... pemohon-pemohon itu mempunyai mi-... serta kebolehan/pengetahuan yang ... penerbitan televisyen dan telah memegang ... sekurang-kurangnya selama tiga ...

... rancangan-rancangan am ran-... tertentu yang diarahkan oleh Ketua ... Rancangan-rancangan yang diter-... diterbitkan sebagai rancangan-rancangan ...apun, kualiti dan teknik penerbit-... mencapai tahap yang diterima.

...NGAWAS PAKAIAN DAN SOLEK :

... — $720-$1290 sebulan. Gaji permulaan ... kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**... Pengalaman :**

... antara 21 hingga 35 tahun.

... tahun pengalaman dalam teknik-teknik ... di samping pengalaman yang sama ... pakaian.

... yang baik merupakan satu kele-...

... tugas-tugas di Bahagian Pakaian ...

6. PENOLONG PERPUSTAKAAN FILEM

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Lulus Tingkatan V Melayu atau Inggeris. Kebolehan dalam taip menaip dan kebolehan yang baik dalam Bahasa Inggeris merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

Memberi bantuan kepada Pegawai-pegawai Perpustakaan dalam apa-apa cara yang diperlukan. Dijangka mempelajari peraturan perpustakaan Filem dan Pita, membantu dalam penerimaan dan penghantaraan filem dan pita, membuat katalog dan dokumentasi. Memeriksa jangka masa filem-filem dan menyediakannya untuk pemancaran. Mana-mana tugas lain yang difikirkan sesuai bagi pemeliharaan dan pengurusan yang teratur perpustakaan oleh Pegawai Perpustakaan Kanan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 22hb Ogos, 1983.

(E/18/75) (Bilangan 141/1983)

## Di Pejabat Undang-Undang

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENYAMBUT TETAMU / PELAYAN TELEFON di Pejabat Undang-Undang Brunei.

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebandingg dengannya.

b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.

c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Selain daripada menjadi Penyambut atau Operator, calon-calan yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah disertakan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 23hb Ogos, 1983.

(E/2310/81)

(Bil. : 146/1983)

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### BIL. 300 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK : PEMBAIKAN SISTEM TALI AIR YANG ADA, PERINGKAT 1 — KONTREK No. 2 BATU 2, JALAN GADONG, SELATAN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Librakonsult, Jurutera Perunding, 309, 1st Floor, Seri Shopping Complex, Mile 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup : 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 301 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk :

PROJEK : MEMASANG 6" A.C. PAIP SEPANJANG JALAN KUALA TUTONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup : 8hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 302 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk :

PROJEK : "MESS PEGAWAI PENANJONG — MEMBEKAL ALAT PERABOT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitek Bersatu, 148, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup : 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran : $500.00.

### BIL. 303 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK : "MEMBAIKI JAMBATAN BATU 16, JALAN MULAUT, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup : 8hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL. 304 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk :

PROJEK : PEMBINAAN DEWAN PERHIMPUNAN/ DEWAN MAKAN (STANDARD) DI ASKAR MELAYU DIRAJA, BERAKAS, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup : 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 305 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk :

PROJEK : TAMBAHAN 12 BUAH KELAS BAGI SEKOLAH MELAYU DATO AHMAD DI KAMPUNG BURONG PINGAI AYER, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup : 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 306 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK : "RANCANGAN PERBEKALAN AIR UNTUK MENYIRAM PADANG GOLF POLIS DENGAN AIR SUNGAI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup : 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 307 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk :

"MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TANGKI-TANGKI AIR G.R.P. KE ISTANA DARUL HANA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup : 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL. 308 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK : "CADANGAN GARAJ UNTUK STESEN PERIKANAN MUARA (PERINGKAT 3) BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup : 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWAR

## Di dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhdimatan Kerajaan, Brunei.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS: (Jabatan Kerja Raya).
C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak lebih daripada 45 tahun, lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dalam aliran Inggeris atau yang sebanding dengannya.
b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 5 tahun sebagai Penyelenggara Stor Kanan dalam bahagian-bahagian yang tertentu.
c) Kebolehan menaip dan mempunyai pengetahuan Ilmu Menyimpan Kira-Kira adalah merupakan satu kelebihan.

2. PENYELENGGARA STOR TINGKAT I: (Jabatan Kerja Raya).
D. 4 EB. 5 — $980-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengannya.
b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 4 tahun dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor.
c) Mempunyai pengetahuan dalam mengurus barang-barang stor, alat-alat kelengkapan dan alat-alat ganti yang berbagai bentuk adalah merupakan satu kelebihan.

3. PENYELENGGARA STOR TINGKAT II: (Jabatan Kerja Raya dan Perubatan dan Kesihatan).
D. 2 EB. 3-4—$515-$1175 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan telah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkat III sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan juga dipertimbangkan.

4. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III: (Jabatan Kerja Raya).
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.
b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor boleh juga dipertimbangkan.

5. TRADESMAN TINGKAT I: (Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan).
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon mestilah sekurang-kurangnya tahu membaca dan menulis.
b) Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam kerja-kerja sebagai Tradesman di sesebuah workshop motor/mesin.
c) Boleh membaiki dan membuat kerja-kerja kerosakan-kerosakan ringan kenderaan seperti truck-truck, mesin-mesin, motor-sangkut dan mesin rumput.
d) Boleh membaca dan faham untuk menyemak nombor barang-barang ganti di dalam buku Manual/Catalogue Spare Parts.
e) Mempunyai lesen memandu Kelas III dan V dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu.

**Am:**

Calon-calon mestilah bersedia untuk bekerja di luar waktu bekerja yang lazimnya bagi kakitangan Kerajaan.

6. PEMANDU/JURU TEKNIK OUTBOARD TINGKAT KHAS: (Jabatan Kehutanan).
F. 1-2-3 EB. 4 — $350-$520 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 25 tahun ke atas dan sekurang-kurangnya lulus Darjah IV dn boleh menulis dan membaca. Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam menjalankan motor-sangkut dan juga boleh membaiki kerosakan-kerosakan yang kecil.
b) Pemohon-pemohon mestilah sihat dan berbadan tegap, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Pemohon hendaklah boleh berenang tidak kurang 220 ela dengan cara bebas.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan di Pejabat Hutan Daerah, Brunei.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 31hb Ogos, 1983.

(E/137/74) (Bilangan: 148/1983)

## Sebagai Pembantu Teknik

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMBANTU TEKNIK di Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Mestilah berumur antara 18 hingga 25 tahun.
b) Mempunyai G.C.E. 'O' level dan lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dan Fizik.
c) Mestilah mempunyai City and Guilds Intermediate Certificate dalam mata-mata pelajaran yang sesuai atau kelulusan yang sebanding dari mana-mana Maktab Teknikal yang di iktiraf.

ATAU

Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu atau lebih cawangan-cawangan kerja kejuruteraan Telekom atau Elektronik termasuk kerja-kerja rekabentuk dan pemeliharaan aalat-alat Radio.

Tugas-tugas:

Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah sangup bekerja secara bergilir-gilir (shift). Kerja-kerja penyelenggaraan biasa terhadap alat-alat elektronik lapangan terbang termasuklah membuat kerja-kerja luar membaiki kabel, mengubahsuai alat-alat kelengkapan, mendawai dan membantu dalam kerja-kerja pemasangan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei, dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 23hb Ogos, 1983

(E/17/82)

(Bil.: 145/1983)

## JABATAN KASTAM DAN EKS... BRUNEI

### TAWARAN BAGI MEMBUAT PAKAIAN SERAGAM

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari 22hb Ogos 1983 jam 4.30 petang untuk membuat pakaian seragam bagi kakitangan-kakitangan lelaki Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei sepertimana keterangan-keterangan lanjut berikut:—

a. 144 pasang bush jacket dan seluar bagi 48 orang Pegawai-Pegawai Kanan (3 pasang bagi setiap Pegawai);
b. 951 pasang baju panjang tangan dan seluar bagi 317 orang Pegawai-Pegawai biasa (3 pasang bagi setiap Pegawai).

2. Penerangan-penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi dari Pegawal Kastam.
3. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayani
4. Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan sampul surat tersebut

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PERKHIDMATAN2 ELEKTRIK BRUNEI

TAWARAN BIL.: 84/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas "A", "B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 8hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 4 BILIK DARJAH TAMBAHAN DI S.M. AMO, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah $100.00.

TAWARAN BIL.: 85/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas "A", "B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari. Isnin, 8hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 4 BILIK DARJAH TAMBAHAN DI S.M. PENGKALAN BATU, LIMAU MANIS, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $100.00.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### PROJECT No. 1051

1. TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B or C classification.
2. The said tenders are for DISTRIBUTION CABLE, DISTRIBUTION AREA 15B BERAKAS CAMP OFFICERS HUSING (K K TYPE).
3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday 29th August 1983. Tenders received after the said time will be rejected.
4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
FOR PROJECT No. 1051

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $200.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.
7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 1000 hours on Thursday 25th August 1983 at the Main Entrance of RBMR, Berakas Camp. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

### PROJECT No. 2091

1. TENDERS are invited from registered Telecoms Contractors with A or B or C classification.
2. The said tenders are for EXCAVATING TRENCH IN GRASS VERGE, SEALED ROADWAY, LAYING SINGLE WAY DUCT TO 100 MM, LAYING SMALL SIZE CABLE, ERECTING DISTRIBUTION POLE.
3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday 8th August 1983. Tenders received after the said time will be rejected.
4. Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
TENDER FOR PROJECT 20...

5. Detailed tender documents can be ... office of the Director of Telecommu... Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei ... $500.00 which will be refunded to all ... The tender deposit will be forfeited from ... fails to submit a tender.
6. The Government of Brunei does not ... the lowest or any tender.
7. Joint consultation and on site ... a condition of tender, and prospective ... with the Director's Representative at 100... 4th August 1983 at the North Exchange ... ders will not be accepted from contract... attended the joint on site inspection.

### PROJECT No. 2091/1

1. TENDERS are invited from re... tractors with A or B classification.
2. The said tenders are for CONST... No. 1, LAYING SINGLE WAY DUCT ... MOLISHING JRC 14 AND REBUILD... RAISING OF MANHOLE.
3. Tenders should be placed in the Te... outside the office of the State Financial ... floor of the State Secretariat Building ... not later than 12.00 noon on Monday ... Tenders received after the said time will ...
4. Tender should be submitted in a pl... marked:—

TELECOMMUNICATIONS DE...
TENDER FOR PROJECT 20...

5. Detailed tender documents can be ... office of the Director of Telecommu... Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei ... $300.00 which will be refunded to all ... The tender deposit will be forfeited from ... fails to submit a tender.
6. The Government of Brunei does not ... the lowest or any tender.
7. Joint consultation and on site ... a condition of tender, and prospective ... with the Director's Representative at 100... 4th August 1983 at the North Exchange ... ders will not be accepted from contr... attended the joint on site inspection.

# ...WATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## ...DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN, BRUNEI

...permohonan ... daripada ... terdiri dari ... Duli Yang ... Paduka Seri ... dan Yang ... Negara Brunei ... memenuhi ... kosong yang ... Perkhidmat- ... Kerajaan.

...ASRAMA :
...Bagaran).
... — $720-$1290

...an Pengalaman :
...mohon mestilah ... pelajaran mene- ... taraf Ting- ... sebaik-baiknya ... pengalaman ... dan pengu- ... termasuk penga- ... hal-hal masakan ... akan di- ... mereka yang ... pengetahuan Ba- ... dan yang lulus ... 'O' level ... banding dengan- ... tahun ke atas.

... semua kaki- ... (termasuk ... Pembantu Asrama, ... Masak, Tu- ... Cuci, Pem- ... lain-lain).
... penerimaan ... barang- ... makanan.
... hal-hal pemeli- ... asrama ... asrama.

...RUMAH :
...Kebaikan.
...Sekan).
... — $720-$1175
...permulaan ber- ... kelayakan- ...

...an Pengalaman :
...mohon hendak- ... kurang-kurang- ... pelajaran pe- ... Brunei Cambridge atau yang sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kebolehan bertutur lebih dari satu bahasa/loghat selain daripada Bahasa Melayu.

c) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di atas juga akan dipertimbangkan jika mereka mempunyai pengalaman dalam bidang penjagaan asrama dan pengawalan penghuni-penghuninya.

d) Jawatan ini hanya terbuka kepada pemohon-pemohon lelaki sahaja yang berumur tidak kurang dari 30 tahun.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 22hb Ogos, 1983.

(E/730/54)

(Bil.: 142/1983)

## Sebagai Pemandu

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Brunei.

**Tanggagaji :** F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kesalahan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu kelas V dan kelas II adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 6hb September, 1983.

(E/766/83)

(Bil. : 152/1983)


BRUNEI

## B.S.P. TENDER NOTICE No. SSU 9/83

Item 1 — 1 Unit Tug Boat "PITAN"
Item 2 — 1 Unit Tug Boat "PANGKAS"
Item 3 — 1 Unit G.P. Launch "PIPIT"

...TIONS :

| | "PITAN" and "PANGKAS" | "PIPIT" |
|---|---|---|
| ... : | 1976 | 1969 |
| ... : | Cheoy Lee, Hong Kong | Cheoy Lee, Hong Kong |
| ... : | 94 Tons | 30 Tons |
| L.O.A. : | 80′ 00″ | 55′ 00″ |
| Breadth : | 22′ 00″ | 14′ 00″ |
| Depth : | 9′ 06″ | 7′ 07″ |
| ... : | 11 Knots | 12 Knots |
| ... : | 6 Tons | 3.7 Tons |
| ... : | 5,800 Gallons | 800 Gallons |
| ... : | 2X Rolls Royce C8TFIM developing 310 HP. | 2X Caterpillar D333 developing 190 H.P. |
| ... : | Morse M24 | Morse M33 |
| ... : | 2X Perkin Model 6.954M for lighting | Peter Avi. for lighting |
| ... : | For 7 Crew | For 4 Crew |
| ... : | 1 Searchlight, 2 X R.F.D., Capstan Windlass | 2 Searchlights, 1 R.F.D., 1 Capstan 1 Winch Ford |

...Above vessels are moored in the Belait river, opposite the BSP Wharf ... Kuala Belait.
... It is not allowed to board the vessels without permission of SMR/21.
... be sold may be viewed on any working day on application to : —
Supplies Department/Disposal Section,
B.S.P. Co. Ltd.,
Seria.
(SSU/15, Tel. No. 536 or 403 NIA).
...date for receipt of Tenders shall be 0900 hours on 5th September 1983.
...should be addressed in sealed envelopes to : —
Chairman,
Tender Board,
Brunei Shell Petroleum Company Limited,
Seria,
State of Brunei.
"Endorsed : B.S.P. Tender Notice No. SSU 9/83"
...shall be deposited in the Tender Box in the B.S.P. Co, Head Office.
...of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the tenderer ...terms of tendering. All other terms of tendering are as usual, and can be ...on request at the SSU/15 office.


## DI PEJABAT TANAH, BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Pejabat Tanah, Brunei.

1. PEMANDU TINGKAT I: (bagi Daerah Belait)

F. 4-5 EB. 6—$490-$620 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

2. PEMANDU KERETA TINGKAT II : (bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong).

F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan 11 (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah satu kelebihan.

**Am :**

**Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.**

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 31hb Ogos, 1983.

(E/1082/81)

(Bil.: 147/1983)

## Di Pasukan Polis Diraja Brunei

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Pasukan Polis Diraja Brunei.

1. PEGAWAI PEMELIHARAAN KANAN :

**Tanggagaji :** C. 2 — $1260-$1685 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Mempunyai kelulusan City and Guilds 3rd Year (T3) Telecoms Technician Certificate atau kelulusan yang sebanding dengannya serta berpengalaman selama 2 tahun mengenai salah satu alat-alat kelengkapan yang berikut : —

a) Closed Circuit Television System (Hitam Putih).
b) Alat-alat X-Ray.
c) Alat-alat pengesan Logam atau Bahan Letupan.
d) Digital Electronic Equipment.

2. PEMBANTU TEKNIK KANAN :

**Tanggagaji :** C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

City and Guilds Certificate 2nd Year (T2) atau kelulusan yang sebanding dengannya serta berpengalaman sekurang-kurangnya selama 3 tahun dalam salah satu bidang yang berikut : —

a) Pemeliharaan alat-alat hubungan radio (HF hingga UHF)
b) Pemeliharaan alat-alat "microwave"
c) Pemeliharaan "digital electronic equipment"
d) Mengetuai satu kumpulan pekerja-pekerja membuat kerja-kerja di luar memasang alat-alat seperti radio, antenna system, A.C. generators, dsb.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun. Pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji bonus juga dibayar, faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta. Mereka yang terdiri rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 14hb September, 1983.

(E/486/79) (Bil.: 137/1983)

### R.B.M.R.
### Tender Notices

TENDER No. 58/1983

SUPPLY OF OTC TOOLS TO RBMR.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 1200 noon, on Monday 29th August 1983.

3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal working hours, (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Monday to Thursday, 0730 to 1130 Fridays. Saturday and Sunday closed).

4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, tingkat bawah, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Brunei Bandar Seri Begawan tidak lewat pada hari Isnin, 22hb Ogos 1983, jam 12.00 tengah hari untuk membekalkan beg yang berikut bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei (Bahagian Pelajaran Ugama) :

a. Beg Canvas, ukuran 18″ x 13″ x 6″ — 200 buah.

2. Butir-butir tawaran dan penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dan dilihat di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (bahagian tawaran) tingkat pertama, bilik no. 205 pada bila-bila masa waktu bekerja biasa hingga jam 4.00 petang, hari Sabtu 20hb Ogos 1983 dan tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

3. Wang deposit mengenai perkara tersebut hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama bahagian Kewangan tingkat pertama bilik no. 202 sebanyak $100.00 (seratus ringgit sahaja) sehingga hari Sabtu, 20hb Ogos 1983, jam 2.30 petang.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenainya.

## Tawaran Pejabat Perkhidmatan2 Elektrik

TAWARAN BIL.: 86/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 15hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut: —

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 2 BLOK KEDAI DI S.M. DATO AHMAD DAN S.M. SUNGAI KEBUN, KAMPUNG AYER, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Aiport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $100.00.

# KERAJAAN TAWARKAN LESEN PUKAT TUNDA

Oleh : Ahad Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah bersetuju pada peringkat permulaan bagi menawarkan lesen-lesen pukat tunda.

Awang Haji chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, Pegawai Pentadbir Kanan, Jabatan Setiausaha Kerajaan ketika mengumumkan perkara ini berkata langkah tersebut diambil bagi meningkatkan lagi taraf industri perikanan di samping untuk menambahkan hasil-hasil tangkapan ikan di negeri ini.

Bagaimanapun, jelasnya lesen-lesen yang ditawarkan itu adalah terhad.

Berkata demikian di majlis penyampaian sijil-sijil kursus ilmu pelayaran dan teknologi menangkap ikan di Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill di sini pada hari Sabtu lepas, beliau menambah pengeluaran ikan di negara ini masih jauh dari mencukupi bagi kehendak-kehendak yang sebenar memandangkan keperluan ikan telah meningkat pada satu tahap yang agak tinggi di rantau ini di mana lebih kurang 80 kati pada setiap seorang dalam setahun.

"Perbekalan ikan kadang-kadang jauh berkurang dari keperluan, dan ini menyebabkan harga ikan serta-merta melambung dan menjadi punca kesibukan orang ramai kususnya mereka yang berpendapatan rendah," jelas beliau.

Untuk menambah perbekalan ikan di negara ini, maka kita terpaksalah mengimport ikan-ikan dari luar negeri.

Ke arah itu beliau berharap supaya kursus yang diadakan itu akan dapat mendatangkan faedah kepada nelayan-nelayan pada memperbaiki usaha dan mutu penangkapan ikan di samping untuk menambah hasil penangkapan ikan.

Terdahulu dari itu, Awang Matdanan bin Haji Jaafar Pemangku Pengarah Perikanan menerangkan yang tujuan kursus itu antara lain untuk melatih bakal-bakal nakhoda kapal pukat tunda pada mengendalikan dengan cekap.

Dengan adanya kursus itu kata beliau, mereka akan dapat mengendalikan kapal-kapal mereka dari melakukan kerosakan sama ada pada kapal mahupun peralatan penangkapan ikan mereka.

Kursus itu terbahagi kepada beberapa bahagian termasuk kerja carter, peraturan keselamatan laut dan pengurusan sumber-sumber ikan.

Kursus yang julung-julung kali dianjurkan oleh Jabatan Perikanan itu telah sertai oleh enam orang nelayan dan berlangsung selama dua bulan.

Kunjungilah pertunjukan pertanian negara Brunei Darussalam 1983 di Stesen Pertanian Kilanas, pada hari Ahad 28hb. Ogos 1983.

Menangilah hadiah-hadiah istimewa di pertunjukan pertanian negara Brunei Darussalam 1983 di Stesen Pertanian Kilanas, pada hari Ahad 28hb. Ogos 1983.

## CABARAN MASA HADAPAN

Dari muka 2

Generasi baharu selepas merdeka yang tidak sempat mengalami suasana sekitar mana dasar-dasar itu dirumuskan tentulah berada di suatu jurang dan bagi merapatkan atau menghapuskan jurang tersebut adalah cabaran yang mesti kita hadapi dengan teliti.

Pendek kata cabaran-cabaran masa depan selepas kemerdekan itu menuntut keteguhan sikap dan pendirian kita pada meyakini bahawa tidak ada jalan mudah dalam menjunjung dan menanai kemerdekaan negara. Dengan yang demikian, seperti yang ditegaskan oleh Pengarah Penerangan dalam ucapannya di Pekan Bangar itu, kita adalah bertanggungjawab memilih dan menentukan cara yang selamat dan sebaik-baiknya yang sesuai dengan keupayaan dan kepentingan kita yang sebenarnya. Maka ke arah itu sekali lagi kita setentunya akan memberi kepercayaan kepada kepimpinan tertinggi negara iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam serta kepimpinan dalam Kerajaan Baginda.



## Lulus Kursus Diplo[ma]

TIGA orang lagi pegawai dari Jabatan ... Kerjasama baru-baru telah pun ... dapatkan kelulusan masing-masing di ... Post Graduate Diploma dari L... University and Technology, United ... Awang Ibrahim bin Haji Jalil ... Diploma in Co-operative Education ... Awang Haji Ghafar bin Pengarah ... Naim memperolehi Diploma in Acc... Financial Management dan Pg. Ahmad ... Metassan memperolehi Diploma in ... Development and Administration ... mereka telah mengikuti kursus ... Skim Latihan Dalam Perkhidmatan ... September 1982 dan berakhir Jun 198...

Awang Haji Ghafar sebelum ... mengikuti kursus di seberang laut ... merupakan seorang pegawai yang ... kelulusan profesional dalam perakaunan ... pankira melalui beberapa peperiksaan ... beliau duduki. Antara pepariksaan ... yang beliau perolehi ialah Fellow In... ministration Accountants (FAAI), Associate ... and Executive Accountant (ACEA) dan ... ternational Book-keepers (FIAB) yang ... dalam tahun 1981 dan 1982. Dengan ... kelayakan itu beliau kini diiktiraf ... bersekutu peringkat profesional.

Gambar dari kiri — Awang Ibrahim, L... field, pensyarah dari Loughborough, Haji ... dan Pg Ahmad.

## Calon Ketua Kampung Lubok Pulau

PEKAN TUTONG. — Dua orang penduduk Kampung Lubok Pulau Daerah Tutong telah dicalonkan untuk mengisi jawatan Ketua Kampung berkenaan.

Awang Mohd Yusof bin Khamis, 40 tahun dan Awang Mohd Tamin bin Salam, 39 tahun telah dicalonkan oleh penduduk-penduduk kampung tersebut dalam satu majlis pencalonan pada 22hb Julai yang lalu.

Majlis yang diadakan di Balai Raya Kampung Lubok Pulau itu dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, Awang Ahmad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Yusof.

Nama-nama calon itu akan dikemukakan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan.

Pemilihan ketua kampung itu dibuat bagi menggantikan ketua yang telah meninggal dunia.



## Johan silat dan kuntau Tutong

PEKAN TUTONG. — Awang Shamsuddin bin Haji Ahim dan Awang Haji Tindas bin Abu Samah masing-masing akan mewakili Daerah Tutong dalam peraduan silat dan kuntau peringkat negeri yang akan diadakan di ibu negara pada pertengahan bulan ini sempena hari keputeraan Kebawah D.Y.M.M. yang ke-37 tahun.

Kedua-dua mereka itu telah dipilih dalam peraduan peringkat daerah yang telah diadakan di Pantai Seri Kenangan pada hari Ahad 24hb Julai yang lalu.

Awang Shamsuddin mengalahkan tiga orang peserta yang mengambil bahagian dalam peraduan silat sementara Awang Haji Tindas mengalahkan 9 orang lain dalam peraduan kuntau.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Ahmad hadir menyaksikan peraduan dan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang dalam peraduan tersebut.

## Teguh sikap dan pe[n...]

(Dari muka 1)

mengikuti Siri Taklimat anjuran Bahagian Penerangan, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Temburong pada hari Jumaat lepas, Awang Haji Badaruddin menyatakan pendapatnya bahawa cabaran yang terbesar selepas merdeka ialah mengukuhkan ciri-ciri kenegaraan seperti kedaulatan raja, ketulenan Negara Brunei sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam dalam kita menempuh arus perkembangan di dalam negeri berikutan pendedahan yang lebih kepada pengaruh antarabangsa.

"Pada masa itu dan pada masa sekarang pun keupayaan kita dicabar dalam menyakini kemurnian ciri-ciri ketulenan itu dengan sentiasa menimbulkannya dalam sebarang bentuk proses adaptasi atau penerimaan nilai-nilai baru ke dalamnya berikutan daripada kemunculan kita di peringkat antarabangsa," jelasnya.

Katanya lagi, sesungguhnya cabaran-cabaran itu menuntut keteguhan kita pada meyakini bahawa tidak ada jalan mudah bagi menjunjung dan menanai kemerdekaan negara.

"Oleh itu, kita bertanggungjawab memilih dan menentukan ... selamat ... yang ... keupayaan ... kita yang ...

Beliau ... menerus ... penerangan ... mengharapkan ... sumbangan ... menyediakan ... ja untuk ... kemerdekaan ... persiapan ... dukung ... gungjawab ... kemerdekaan ...

Majlis ... dimulakan ... ayat-ayat ... ini dik... pengerusi ... Sulaiman ... Wahab. ... dibukakan ... hadirin ... ucapan ...

Antara ... Y.B. Pehin ... Dewa, ... Rahim bin ... Datu Laila ... Abu Bakar ... Pemangku ... Temburong ... bin ... Penolong ... Pg. K... pegawai ... Bahagian ... jabat Se...